

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 138 ● 22 - 28 OKTOBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



**POJOK:** Dapat lif  
baru jaga baik-baik >> 7



**Selebriti:** Gangguan  
mental bukan gila >> 14



**Resipi:** Ikan goreng menu  
harian Menteri Wilayah >> 16



ISMAIL Sabri melambai  
penduduk di Perumahan Awam  
Seri Perak, Bandar Baru Sentul  
Kuala Lumpur ketika membuat  
lawatan ke sana bersama-sama  
Menteri Wilayah Persekutuan,  
Datuk-Seri Dr Shahidan Kassim.

**Kehidupan warga PPR, PA lebih selesa**

# Tiada lagi lif rosak

**E**PISOD ngeri membabitkan lif rosak sehingga mengakibatkan maut dan kecederaan parah kepada Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) akan ‘melabuhkan tirai’ bermula tahun hadapan.

Ia berikutan, kerajaan di bawah teraju Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi penekanan kepada masalah rakyat seperti kerosakan lif yang melibatkan golongan B40 dan miskin bandar di ibu negara.

Selain itu, sejumlah RM127 juta yang diperuntukkan akan membolehkan warga PPR dan PA di 67 lokaliti menikmati kemudahan setanding penghuni rumah pangsa yang lain.

Bagi Ismail Sabri, kemudahan lif dan keselesaan penduduk adalah sangat penting terutama dalam situasi norma baharu ini.

Justeru, beliau berharap proses perolehan dapat dipercepatkan dan jangka masa (kerja penggantian lif) mungkin setahun hingga dua tahun bergantung kepada kontrak serta jumlah blok bagi setiap PPR.

LAGI BERITA/GAMBAR  
DI MUKA 2, 3, 7, 12 & 13

## 74 dikompaun lebih RM415,000 angkara parti hari jadi

AKIBAT tidak mengendahkan sistem perundangan negara, pengurus premis dikompaun RM50,000 selepas parti hari jadi yang dianjurkan di kawasannya diserbu polis pada pukul 12.30 pagi, Rabu lalu.

Lelaki berusia lingkungan 20 hingga 30-an itu juga direman satu hari bagi membantu siasatan manakala enam wanita warga asing yang disyaki pelayan pelanggan (GRO) di premisnya direman 14 hari bermula 20 Oktober.

Menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisioner Saiful Annuar Yusoff, turut dikompaun adalah 73 pelanggan tempatan yang terdiri daripada 53 lelaki dan 20 wanita.

“Pelanggan dikompaun RM5,000

seorang.

“Kes disiasat di bawah akta berkaitan manakala pelayan pelanggan direman mengikut Seksyen 55B Akta Imigresen,” katanya dalam satu kenyataan.

BERSAMBUNG DI MUKA 8

# 5,000 CCTV berfungsi akhir tahun ini pantau lalu lintas, jenayah

AZLAN ZAMBRY

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memasang kira-kira 5,000 kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan strategik untuk memantau keadaan trafik serta aset miliknya di sekitar bandaraya.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pemasangan tersebut terbahagi kepada dua fasa iaitu kira-kira 3,000 unit CCTV pada fasa pertama bagi tujuan pemantauan trafik, taman-taman dan pasar awam sekitar ibu negara.

"Untuk Fasa Kedua pula melibatkan sebanyak 2,000 unit CCTV dipasang untuk kegunaan sama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan DBKL bagi pemantauan jenayah yang dijangka akan siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2021," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mengumumkan penjenamaan semula iTIS kepada Kuala Lumpur Control & Command Centre (KLCCC) di



**SHAHIDAN bersama pegawai tinggi KWP dan DBKL di majlis Pelancaran Kuala Lumpur Control & Command Centre (KLCCC) di Pusat Pengurusan Pengangkutan DBKL dekat Bukit Jalil Jumaat lalu.**

Pusat Pengurusan Pengangkutan DBKL dekat Bukit Jalil Jumaat lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Sosioekonomi, Kementerian

Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Parang Abai @ Thomas; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azmi Abu Kassim.

Shahidan berkata, CCTV tersebut dilengkapi dengan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang dapat membantu DBKL menjalankan pemantauan untuk situasi di luar jangkaan.

"Ia boleh digunakan untuk memantau kerrosakan jalan, meneliti 'road-marking' yang pudar, memantau kerrosakan lampu jalan dan lampu isyarat, mengesan kesalahan trafik yang menyebabkan kesesakan, memantau pokok tumbang dan sebagainya.

"Ia boleh mengesan kejadian dan situasi 'real-time' seperti jalan berlubang, tumpahan simen dari lori, serta penjaja haram di jalanan melalui notifikasi peristiwa tersebut.

"Ia amat membantu DBKL dalam melaksanakan kerja-kerja pemantauan, pencegahan, penguatkuasaan dan juga penyelenggaraan serta telah terbukti dapat mengurangkan penggunaan bajet penyelenggaraan pencegahan oleh DBKL," katanya.

Pada majlis sama, beliau turut mengumumkan penjenamaan

semula Pusat Pengurusan Pengangkutan (iTIS) kepada nama baru iaitu Kuala Lumpur Command And Control Center (KLCCC) selari dengan fungsi dan peranan yang semakin berkembang dan menyeluruh.

Katanya, dengan adanya liputan kamera pintar yang meluas serta platform KLCCC tersebut, ia mendekatkan lagi visi kita untuk mewujudkan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Sejahtera menjelang tahun 2030.

"Kamera tambahan ini wajar dipertimbangkan untuk meliputi lebih banyak kawasan bagi mengurangkan blind spots serta memaksimalkan penggunaan ciri-ciri dalam sistem yang dibangunkan.

"Kuala Lumpur mempunyai landasan yang kukuh dan saya yakin ia mampu mencapai tahap yang lebih membanggakan khasnya dengan penyediaan awal dan dengan meluaskan pemantauan bandaraya menerusi penambahan kamera pintar kepada sistem yang sedia ada," ujarnya. **WK**

Diberikan mengikut tiga fasa dan secara berperingkat

## 20,000 *frontliner* Labuan terima dos ketiga



**PENGARAH** Jabatan Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari merupakan individu pertama yang menerima suntikan dos ketiga vaksin di Labuan baru-baru ini.

**KHAIRUL IDIN**

**J**ABATAN Kesihatan Labuan mula melaksanakan pemberian dos penggalak vaksin COVID-19 (dos ketiga) kepada petugas barisan hadapan (*frontliner*) di wilayah itu menerusi tiga fasa yang membabitkan 20,000 individu bermula Isnin lalu.

Menurut pengaruhnya, **Dr Ismuni Bohari**, Fasa Pertama membabitkan 1,290 petugas kesihatan dan Fasa Kedua bagi petugas barisan hadapan (bukan kesihatan) manakala Fasa Ketiga adalah kepada golongan berisiko.

Beliau berkata, pemberian dos penggalak kepada semua petugas kesihatan di wilayah itu selesai selewat-lewatnya pada Jumaat ini.

"Kumpulan kedua akan bermula pada 25 Oktober ini, melibatkan petugas barisan hadapan daripada pelbagai agensi dan warga emas serta individu berisiko tinggi.

"Hanya individu yang selesai tempoh enam bulan selepas dos kedua seperti yang disarankan, layak mendapat suntikan dos penggalak itu," katanya di Majlis Pelancaran Pemberian Dos Penggalak di Klinik Kesihatan Membedai, pada Isnin.

Terdahulu, Ismuni merupakan individu pertama menerima suntikan dos penggalak vaksin COVID-19.

Menurut beliau lagi, pihaknya telah mewujudkan pusat vaksinasi bagi pemberian dos penggalak itu di Hospital Labuan, kem Pangkalan Udara Labuan dan Klinik Kesihatan Membedai.

Jelas beliau lagi, mereka yang layak boleh mendapatkan dos penggalak itu di semua klinik swasta menerusi janji temu.

"Individu yang layak boleh menghubungi klinik berkenaan bagi mendapatkan janji temu," katanya. **WK**

## Dapat lif baru: Warga PPR, PA sambut baik pengumuman Perdana Menteri

**HAZIRAH HALIM**

**PENGUMUMAN** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkaitan 67 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL di Kuala Lumpur mendapat sambutan disambut baik daripada penduduk Perumahan Awam Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Kampung Limau, **Ahmad Long**, 64, menyokong sepenuhnya usaha baik Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memperbaikin semula lif

di setiap blok perumahan PPR dan PA.

"Lif sangat penting bagi kami memandangkan di sini (PPR/PA) ada berbelas tingkat dan ada penduduk yang terdiri daripada warga emas, orang kurang upaya (OKU) termasuk ibu mengandung."

"Di PPR Kampung Limau ada dua blok perumahan dan setiapnya ada tiga lif. Sekiranya rosak, ia akan menyukarkan penduduk yang berada di aras tinggi untuk bergerak sehingga terpaksa menaiki dan menurun tangga."

"Bila PM mengumumkan perkara itu, saya berasa sangat lega dan menyokong sepenuhnya usaha kerajaan untuk menyediakan



**AHMAD**



**AB RASHID**

lif baru. Dengan itu, masalah utama seperti kerrosakan lif akan berkurangan," katanya ketika dihubungi *Wilayahku* pada Rabu.

Demi memastikan pengoperasian lif diselenggara dengan baik, Ahmad berkata, Persatuan Penduduk Kampung Limau akan

mengenakan tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang melakukan vandalisme atau sengaja merosakkan lif baharu yang akan dimiliki.

"Pada peringkat awal, kami akan berikan amaran kepada individu yang melakukan perkara itu, jika berlebihan tindakan selanjutnya akan diberikan."

"Tindakan seperti itu wajar dikenakan kepada mereka demi memastikan kemudahan utama bangunan perumahan dipelihara," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Intan Baiduri, **Ab Rashid Ab Samad**, 59 berkata penggantian lif baharu di

setiap blok perumahan tersebut memberi kelegaan dan kegembiraan buatnya apabila lif ini dapat diselesaikan tidak lama lagi.

"Saya gembira apabila lif ini mendapat perhatian pihak berkua. Kemudahan ini bukan sahaja beri keselesaan kepada penduduk tetapi secara tidak langsung membantu menyelesaikan lif yang sering berlaku di kawasan ini."

"Lif ini sangat penting buat kami. Bayangkan semasa lif rosak, hanya satu lif sahaja yang berfungsi jadi kami terpaksa menggunakan tangga untuk turun dan naik, bersesak dalam lif dan menunggu dalam tempoh yang lama," katanya. **WK**

Beri keselesaan kepada warga PPR, PA di 67 kawasan

# Isu kerosakan lif bakal berakhir

**M**ASALAH lif rosak yang sering menghangatkan penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) bakal berakhir apabila kerajaan berikrar untuk menggantikannya dengan lif baharu bermula awal tahun depan.

Penggantian lif di keseluruhan 67 kawasan PPR dan PA dilihat dapat memberikan keselesaan kepada penduduk di situ sekali gus menonjolkan keprihatinan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** yang mahuhan setiap Keluarga Malaysia menikmati kemudahan terbaik.

Selain itu, peruntukan sebanyak RM127 juta turut menunjukkan kesungguhan kerajaan demi memastikan penduduk di kawasan PPR dan PA menikmati kemudahan setanding dengan rumah-rumah pangsa yang lain di samping harga sewaan yang rendah.

Berkata mengenainya, Ismail Sabri memberitahu, projek tersebut akan bermula pada tahun

hadapan selepas proses perolehan selesai.

“Di mana-mana PPR pun, lif ini sangat penting untuk pergerakan penduduk dan kerajaan memandang serius masalah ini (lif lama dan rosak).

“Saya berharap proses perolehan dapat dipercepatkan dan jangka masa (kerja penggantian lif) mungkin setahun hingga dua tahun bergantung kepada kontrak serta jumlah blok bagi setiap PPR,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas meninjau PA Seri Perak dekat Bandar Baru Sentul pada Sabtu.

Hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Jelas Ismail, masalah lif rosak



ISMAIL Sabri dirungi Shahidan meninjau keadaan lif dan persekitaran penempatan PA Seri Perak semasa sesi turun padang pada Sabtu lalu.

serta kerosakan kecil lain yang berlaku di PA Seri Perak seolah-olah mencerminkan keadaan keseluruhan 67 PPR dan PA di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“Saya tidak melawat di semua PPR kerana PA Seri Perak ini menggambarkan keadaan yang sama.

“Kerajaan juga turut meluluskan sebanyak RM15 juta untuk semua PPR dan PA dinaik taraf, baik pulih kerosakan kecil di bawah projek PEMERKASA (Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi).

“Jadi saya harap dengan baject yang telah diberikan kerajaan persekutuan untuk menaik taraf kemudahan dan juga RM127 juta yang diperuntukkan DBKL untuk menggantikan lif terlibat, tidak akan ada isu lagi dan saya harap dapat mengurangkan masalah berkaitan rumah PPR di seluruh Wilayah Persekutuan,” katanya.

Tambah Ismail, pihaknya turut meneliti beberapa kaedah bagi mengatasi masalah parkir di kawasan perumahan tersebut termasuk cadangan membina bangunan bertingkat bagi kemudahan meletak kenderaan. **WK**

## PA Seri Perak terima peruntukan RM11.6 juta

AZLAN ZAMBRY

**M**ASALAH yang membelenggu warga Perumahan Awam (PA) Seri Perak selama ini mendapat perhatian pemimpin tertinggi negara apabila mengadakan lawatan kerja ke kawasan itu pada Sabtu lalu.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** dalam lawatan tersebut antara lain mengumumkan kira-kira RM11.6 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf kemudahan awam perumahan bagi memberi keselesaan kepada penduduk perumahan tersebut.



FAIRUL ISKANDAR

“Dari jumlah keseluruhan peruntukan tersebut, kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukan sejumlah RM8.4 juta bagi pelaksanaan kerja-kerja penggantian 14 unit lif di 7 blok (2 lif bagi setiap blok) di PA Seri Perak.

“Tindakan penggantian ini dibuat setelah mengambil kira kaedah penyelenggaraan yang tidak efektif dan ekonomi kerana kos yang diperlukan sangat tinggi untuk membaiki kerosakan lif yang sudah uzur. Kerja-kerja penggantian lif ini bermula pada awal tahun 2022,” katanya dalam satu kenyataan selepas program turun padang di PA Seri Perak pada 16 Oktober lalu.

Menurut Ismail Sabri, KWP turut menyediakan sejumlah peruntukan bagi naik taraf dan meningkatkan keselamatan serta keselesaan penduduk di perumahan tersebut.

“KWP menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM1.8 juta bagi

melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem pendawaian elektrik di PA Seri Perak.

“KWP juga memperuntukan sejumlah RM400,000 di bawah Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan 2021 bagi kerja-kerja menaik taraf Dataran Serbaguna seperti penggantian lantai, lampu-lampu dan infrastruktur riadah untuk menjadikannya lebih selesa dan selamat,” katanya.

Ujar beliau, kira-kira RM1 juta diperuntukan di bawah pakej PEMERKASA (Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi) bagi pelaksanaan projek-projek kecil.

“Ia melibatkan kerja-kerja penggantian taman permainan kanak-kanak, penggantian bumbung di Blok 31, pembaikpulihan padang futsal, kerja-kerja pengantian longkang yang pecah, pambaikpulihan parking motosikal di kesemua blok dan pemasangan pagar walkaway di PA Seri Perak yang telah siap 80 peratus,” katanya.

Ismail Sabri turut memaklumkan, kerajaan akan sentiasa memantau keperluan-keperluan rakyat dari semasa ke semasa bagi memastikan aspek kesejahteraan dan kebijakan rakyat sentiasa dijaga khususnya berkaitan isu penyelenggaraan fasiliti kemudahan awam di PPR dan PA dalam merealisasikan matlamat Keluarga Malaysia: Makmur, Inklusif, Mampan dicapai.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Penduduk PA Seri Perak, **Fairul Iskandar Faizil De Souza** berkata, pihaknya bersyukur kera-



PA SERI PERAK terima peruntukan tambahan untuk projek naik taraf kawasan.

na peruntukan besar yang diberikan kepada PA Seri Perak menunjukkan bahawa kerajaan prihatin dengan masalah yang terpaksa di hadapi penduduk.

“Saya ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana mengambil inisiatif dan memberikan perhatian terhadap masalah yang dihadapi penduduk di PA Seri Perak dan semua penduduk PPR dan PA amnya.

“Kesemua kerja-kerja naik taraf dan penyelenggaraan sedang dilaksanakan dan ia bakal memberikan wajah baharu yang lebih ceria untuk kawasan ini,” katanya kepada *Wilayahku*.

Tambah Fairul, pihaknya berharap agar kerajaan dapat menyelesaikan masalah parkir bertingkat yang menjadi masalah kepada penduduk setempat.

“Saya difahamkan, peruntukan tersebut telah disediakan semasa Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor menjadi Menteri Wilayah Persekutuan dahulu dan ia ditangguhkan semasa Pakatan Harapan (PH) mentadbir.

“Jadi saya harap, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dapat membantu menyelesaikan masalah parkir ini untuk kesejahteraan penduduk di sini,” ujarnya. **WK**

### REAKSI

**BAGI** saya, kerajaan telah mengambil langkah terbaik dengan memperbaharui lif-lif yang sedia ada memandangkan kebanyak kan lif di kawasan PPR/PA banyak yang masih rosak dan tidak diselenggarakan dengan baik.



**NOOR HAMIZA MOHAMAD ANUAR, 36**  
Tealady

**DENGAN** inisiatif ini, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan keluhan penduduk, mengelakkan kesulitan kecemasan serta meringankan beban mereka yang berkerusi roda, warga emas dan kurang upaya (OKU) yang terpaksa menggunakan tangga sewaktu lif mengalami gangguan terutama mereka yang duduk di aras yang tinggi.

**MUHAMMAD NAZIRUL ROHAIZAM, 25**  
Exco Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung WP

**SAYA** amat mengalaukan usaha baik kerajaan ini dan berharap agar proses ini pertukaran lif baharu di setiap blok perumahan PPR/PA dipercepatkan.



**HABBAN MALIK, 70**  
Pesara Kerajaan

# DBKL roboh stor haram

**S**EBUAH struktur stor yang dibina tanpa kelulusan perintah pembangunan di Jalan Batu Belah, Pusat Bandar Utara dirobohkan dalam operasi tindakan khas oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Khamis.

Tindakan dilaksanakan hasil maklumat dan aduan awam serta pemantauan oleh pasukan Teknikal Pembangunan DBKL.

Menurut kenyataan yang disiar-kan DBKL, notis penguatkuasaan telah diberikan kepada pemilik premis itu namun ingkar mematuhi arahan yang ditetapkan sehingga tempoh notis tersebut tamat.

"Tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 70, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan Seksyen 26, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 melibatkan kesalahan mendirikan struktur tambahan tanpa kebenaran.

"Pemilik turut melakukan kesalahan menukar kegunaan sebahagian lot daripada kediaman kepada stor (simpanan barang-barang perniagaan) tanpa perintah pembangunan," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Tambah kenyataan itu, tindakan sita dan pindah barang turut dilakukan terhadap premis berkenaan dan kesemua barang dihantar ke Stor Sitaan DBKL untuk proses penyimpanan dan dokumentasi.

Unit media DBKL berkata, pihaknya



UNIT Penguatkuasaan DBKL merobohkan bangunan stor yang dibina tanpa kebenaran di Pusat Bandar Utara, Selangor baru-baru ini.

memandang serius terhadap sebarang pembinaan tambahan struktur haram dan menukar aktiviti kegunaan kediaman kepada stor atau perniagaan tanpa kelulusan perintah pembangunan.

"Tindakan ini akan menyebabkan masalah kacau ganggu, kesesakan lalu lintas dan kebersihan di kawasan kediaman sedia ada di Kuala Lumpur.

"Semua pemilik kediaman atau ma-na-mana premis dinasihatkan agar

mengikuti garis panduan dan membuat permohonan kebenaran pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang kerja-kerja pengubahsuaian atau pembinaan," katanya. WK

Pembaca boleh imbas QR code untuk tonton video berkenaan



## Perbadanan Labuan salur RM500 kepada 22 keluarga mangsa banjir dan angin kencang

**PRIHATIN** terhadap 22 buah keluarga di sini yang ditimpa musibah banjir dan angin kencang pada September lalu, Perbadanan Labuan (PL) tampil menyalurkan bantuan wang ihsan bagi meringankan beban kesemua keluarga terbabit.

Pengerusinya, **Datuk Seri Amir Hussien** berkata, sebanyak RM500 disalurkan kepada setiap keluarga yang membabitkan nilai keseluruhan bantuan itu sejumlah RM11,000.

"Baru-baru ini, Labuan dilanda ribut taufan dan banjir yang dahsyat serta telah menyebabkan banyak rumah penduduk di sini mengalami kerosakan yang teruk."

"Tujuan bantuan ini disalurkan adalah bagi membantu serta meringankan beban yang mereka hadapi susulan bencana banjir dan ribut pada September lalu," katanya kepada pemberita di Majlis Penyampaian Sumbangan Wang Ihsan kepada mangsa banjir dan angin kencang di bangunan Menara Perbadanan Labuan, baru-ba-ru ini.



AMIR (dua dari kiri) menyampaikan bantuan wang ihsan kepada salah seorang mangsa banjir di bangunan Menara Perbadanan Labuan, Isnin lalu.

Dalam pada itu, Amir turut memaklumkan bahawa pihaknya kini sedang berusaha untuk mendapatkan bantuan tambahan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) agar nilai bantuan itu dapat

ditingkatkan.

"Insya-Allah dengan kerjasama yang baik daripada KWP, bantuan tambahan tersebut akan disalurkan kepada Perbadanan Labuan dalam masa terdekat," katanya lagi. WK

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@ayasanwp.org.my

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

#### PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri  
winwilayahku@gmail.com

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim

### hazirahwilayahku@gmail.com

Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com  
Taufik Mohd Pauze  
kikkywilayahku7@gmail.com

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
nazirulwilayahku@gmail.com  
Mohd Aminullah Farid Hasan  
aminwktv@gmail.com  
Azly Farid Ramly  
azlyfarid@ayasanwp.org.my

#### PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan  
zuhairi@ayasanwp.org.my

V Kumar Veeran  
veeran1010@gmail.com

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@ayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

## CERITA KEDAI KOPI

### IWBB: Akibat silap sendiri

KASIHAN juga mendengar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak ke atas penjaja di bawah Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) sedangkan inisiatif itu diwujudkan bagi membolehkan peniaga ini mencari rezeki, terutama golongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Tindakan diambil antaranya terhadap penjaja di Taman Maluri, Cheras dan Setapak. Namun kawan-kawan Kedai Kopi dapat tahu DBKL bukan sengaja mahu mengganggu perniagaan mereka, tetapi para peniaga sendiri yang melanggar syarat IWBB.

Misalnya di Cheras, tindakan diambil kerana penjaja meninggalkan khemah di kaki lima sekitar Taman Maluri. Ini melanggar peraturan kerana semua peralatan hendaklah dikemas dan dibawa balik selepas setiap kali selepas berniaga.

Di Setapak pula, peniaga didapat menyewakan lesen perniagaan kepada warga asing. Ini pun melanggar syarat kerana gerai mestilah dikendalikan oleh pemegang lesen. Tidak dibenarkan menyewakan kepada orang lain, apakah lagi warga asing.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, penjaja yang harus menyalah diri sendiri kerana tidak patuh kepada syarat, mungkin kerana beranggapan pihak berkuasa tidak memantau.

Sekalipun IWBB memberi 'kebebasan' kepada penjaja, ia bukan bermakna mereka bebas berbuat sesuka hati. Memang bebas boleh membuka gerai di mana-mana, tetapi syarat mestilah mendapat lesen DBKL mesti dipatuhi. Lesen mesti diguna pakai oleh penama.

Khemah atau gerai mesti tidak mengganggu pergerakan orang ramai dan lalu lintas, juga tidak mengganggu kawasan parkir. Kebersihan mesti diamalkan sepanjang masa. Kerana itu meninggalkan khemah di kawasan niaga tidak mematuhi peraturan kebersihan kawasan.

Diharap mereka yang telah terkena tindakan ini belajar daripada kesilapan. Pihak DBKL pula diharap tidak menyenaraikan hitam mereka. Berilah mereka peluang dan terus pantau bagi memastikan tidak mengulangi kesalahan.

Kepada para penjaja lain ambillah ini sebagai ikhtiar. Jangan lakukan kesilapan sama. Ingat, IWBB adalah usaha membantu mereka. Kerana itu tolonglah diri sendiri dengan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan.

### Bersabar balik kampung

SERONOKNYA apabila rentas negeri dibenarkan mulai 11 Oktober. Ramai yang ghairah balik kampung bertemu kaum keluarga dan sanak saudara setelah sekian lama terkurung lantaran larangan rentas negeri dan daerah berikut Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kawan-kawan Kedai Kopi belum berkesempatan balik kampung. Berilah peluang kepada orang lain dahulu. Tidak perlulah terkejar-kejar dan bersesak di lebuh raya atau jalan persekutuan dengan bergerak serentak. Lama sanggup menunggu untuk boleh rentas, masakan menunggu sebentar lagi tidak boleh.

Kerana itu ramai masih bersabar dan mengambil pendekatan tunggu dan lihat. Apabila kegairahan sudah menurun dan keadaan lebih tenang, itulah waktu sesuai untuk mengorak langkah menuju ke kampung atau destinasi pelancongan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini langkah bijak kerana dapat mengelakkan kesesakan dalam perjalanan atau di perhentian Rehat dan Rawat (R&R) atau di kawasan pelancongan.

Jika belum mendapat suntikan lengkap, jangan rentas negeri. Anda mungkin terlepas pemeriksaan polis tetapi sanggupkah balik bertemu ibu bapa dan keluarga dengan risiko menularkan COVID-19 kepada mereka?

Janganlah sampai pertemuan keluarga yang diharapkan dalam kegembiraan melepaskan rindu, bertukar kepada kesedihan kerana sikap pentingkan diri sehingga ibu bapa yang tidak berdosa menjadi mangsa.

Kepada yang belum mengambil vaksin segeralah berbuat demikian. Kepada yang sengaja tidak mahu mengambil vaksin lantaran terpengaruh dengan kempen anti vaksin, fikir kembali dengan teliti. Fikirkan risiko kepada diri sendiri dan orang sekeliling.



**Mohd Hussin Misri**  
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi  
Kolej Komuniti Betong

**P**EMBELAJARAN Sepanjang Hayat (PSH) bukanlah satu istilah yang asing lagi. Program PSH merupakan satu program yang memberi peluang kepada individu untuk meningkatkan kemahiran ataupun mendapatkan kemahiran baru.

Aspek pendidikan menjadi tunjang utama. Sokongan dan galakkan dari kerajaan ini dapat dilihat dari pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang mana meletakkan PSH antara lonjakan utama.


Selain itu, PSH juga merupakan salah satu dari pemboleh daya yang menyumbang kepada kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Kolej Komuniti yang merupakan agensi terbesar penggerak pelaksanaan PSH di Malaysia terus mengorak langkah bagi memastikan aspirasi ini tercapai.

Melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, diketuai oleh Ketua Pengaruhnya, Ts. Zainab Binti Ahmad, PSH terus diperkuatkannya melalui Pelan Tindakan PSH Kolej Komuniti 2021-2025.

Mulai tahun 2021 hingga 2025, pelaksanaan PSH di Kolej Komuniti akan berpandukan dan berfokuskan lima misi utama iaitu; membangunkan komuniti yang cekik digital seiring 4IR, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat, meningkatkan kolaborasi dengan industri, memperkuuh keusahawanan serta memperkasa program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).

Sehingga kini, terdapat 104 buah Kolej Komuniti di seluruh Malaysia yang menawarkan pelbagai kursus jangka pendek dari 22 kluster utama iaitu katering dan sajian, pembangunan diri, jahitan dan pakaian, komputer dan



**KURSUS** Guntingan Rambut lelaki yang dikendalikan oleh Kolej Komuniti Muar.

# Kolej Komuniti penggerak Pembelajaran Sepanjang Hayat

teknologi maklumat, perniagaan dan keusahawanan, kerohanian dan keagamaan, kecantikan dan dandan, grafik dan multimedia, elektrik dan elektronik, seni kreatif, bahasa, sains kesihatan, bangunan, hospitaliti dan pelancongan, kenderaan dan automatik, teknologi agro, sains dan matematik, kraf tangan dan hiasan dalaman, akuakultur, teknologi hijau dan kluster kesenian dan kebudayaan.

Selain menawarkan kursus pendek, Kolej Komuniti turut menawarkan kursus PSH bermodul dan PSH bermodul (kredit) yang merupakan modul latihan kemahiran jangka pendek berdasarkan kerja sebenar yang ditambah baik dari program Sijil Kolej Komuniti (SKK).

## DIGITALISASI DALAM PELAKSANAAN PSH

Mendepani cabaran pandemik COVID-19, program PSH tetap diteruskan dengan norma baharu.

Jika sebelum ini, kursus-kursus dilaksanakan secara bersemuka, tetapi dengan norma baharu, penyiaran-pensyiaran PSH mengambil inisiatif memperkenalkan kursus secara dalam talian.

Penggunaan platform *FB Live*, *Google Meet*, *Zoom* dan sebagainya dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan program PSH terus berjalan.

Pendaftaran kursus boleh dibuat secara dalam talian manakala pembayaran yuran juga diper mudahkan dengan menggunakan aplikasi *JomPAY*.

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pelbagai kursus berjaya dilaksanakan secara dalam talian.

Contohnya, Kolej Komuniti Betong telah berjaya melaksanakan Kursus Pembuatan Bun secara dalam talian dengan penyertaan seramai 50 orang peserta dalam satu masa.

Sementara itu, di Kolej Komuniti Jelebu, mereka berjaya menganjurkan kursus Penghasilan Pai Epal yang juga dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya.

Di Kolej Komuniti Temerloh pula kursus Penghasilan Mi Kuning dijalankan juga secara dalam talian. Peserta dibekalkan dengan resipi dan belajar untuk menyediakan resipi tersebut bersama-sama semasa sesi dalam talian dengan tunjuk ajar dari tenaga pengajar.

Selain dari kursus berkaitan katering dan

sajian, terdapat juga kursus-kursus teknikal yang telah diajar secara dalam talian.

Antaranya kursus Pembuatan D.I.Y Accent Wall dan kursus Pemasangan Lampu Limpah yang dikendalikan oleh Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Kursus ini telah berjaya menarik penyertaan lebih 30 orang peserta dari seluruh Malaysia.

Memahami situasi ini, Kolej Komuniti Muar mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Guntingan Rambut Lelaki dan Kursus Penjagaan Rambut Wanita secara dalam talian.

Kursus ini bukan sahaja berjaya menarik penyertaan dari komuniti setempat, malah menerima penyertaan seluruh Malaysia.

## JALINAN KERJASAMA KOLEJ KOMUNITI DAN AGENSI

Jalinan kerjasama yang telah terbentuk sejak tahun 2014 lagi ini telah memberi manfaat kepada ahli PUSPANITA yang terdiri daripada penjawat awam dan isteri-isteri penjawat awam untuk meningkatkan atau mendapatkan kemahiran baharu.

Sehingga kini, sebanyak 154 kursus telah berjaya dilaksanakan dengan bilangan peserta seramai 2,838 orang peserta.

Bagi memperkasa ekonomi komuniti bandar, satu jalinan kerjasama telah dibuat antara Kolej Komuniti Selayang dan Pertubuhan Pembangunan Wanita Putrajaya (PEWARNA) bagi memberi latihan kemahiran kepada peserta dari kategori miskin bandar atau B40 di Negeri Selangor.

Peserta program ini telah diberikan latihan jahitan kreatif menggunakan barang-barang terpakai. Bagi memastikan peserta dapat memanfaatkan kemahiran yang diperolehi, mereka turut diberi latihan keusahawanan.

Para huffaz juga tidak dipinggirkan. Melalui program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat, pelbagai jalinan kerjasama antara Kolej Komuniti dan pusat-pusat pengajian islam juga telah dilaksanakan.

Kolej Komuniti Segamat misalnya, telah berkolaborasi



**MAZLIANA Kamal** dari Kolej Komuniti Jelebu mengendalikan Kursus Penghasilan Pai Epal secara dalam talian.

Kolej Komuniti akan membimbing dari segi kemahiran dan bimbingan keusahawanan kepada golongan ini disamping membantu mereka dalam membina jaringan kolaborasi dengan agensi luar seperti MARA, Amanah Ikhtiar Malaysia dan sebagainya untuk mendapatkan bantuan dari segi kewangan.

Program ini masih lagi berjalan sehingga kini dan antara Kolej Komuniti yang telah melaksanakannya adalah Kolej Komuniti Nibong Tebal.

Peserta program ini telah diberi pendedahan berkenaan penghasilan kek dan pastri seperti *cream puff*, *korean garlic bread* dan lain-lain.

Selain itu, peserta juga dibekalkan dengan ilmu keusahawanan agar diakhir program mereka dapat mulakan perniagaan.

Program ini telah mula membawakan hasil apabila ada peserta yang telah memulakan perniagaan kecil-kecilan dari rumah sahaja dan mampu menjana pendapatan sehingga 4 angka.

Kesimpulannya, di era pandemik ini, Kolej Komuniti tetap terus melangkah kehadapan mendepani cabaran dunia pendidikan, mendukung kuat aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Digitalisasi dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan Kolej Komuniti terus relevan dan mampu untuk duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan institusi-institusi pendidikan terulung negara. Peluang untuk meningkatkan kemahiran sentiasa ada.

Kolej Komuniti sedia menawarkan pelbagai kursus kemahiran jangka pendek dan jangka panjang bagi seluruh warga Malaysia.

Oleh itu, orang ramai boleh berhubung dengan mana-mana Kolej Komuniti terdekat atau melayari [www.mypolycc.edu.my](http://www.mypolycc.edu.my) untuk mengetahui kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kolej Komuniti.



**NORSARITAINAINI** Mahasan dari Kolej Komuniti Temerloh sedang mengendalikan Kursus Penghasilan Mi Kuning anjuran bersama AADK Temerloh.



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**P**ADA tahun-tahun awal Central Market menjadi pusat barang seni kraf, saya ke situ untuk berjumpa kawan-kawan seniman jalanan.

Walaupun semasa di kampung saya tidak biasa dengan tabiat bersebangan di kedai kopi, tetapi Kuala Lumpur memperkenalkan saya dengan Central Market.

Saya masih baru di Kuala Lumpur. Masih terpinga-pinga, haru biru dan kacau bilau memikirkan kehidupan di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun Central Market mempertemukan saya dengan kawan-kawan sealiran yang baik – meminati seni teater, seni lukis, sastera dan budaya.

Pengunjung yang selalu berkumpul di situ datangnya daripada pelbagai cabang seni – aktivis teater, pelukis potret, kartunis, jurugambar, penyair dan buskers. Kalau ditanya saya, era lima tahun pertama Central Market itulah yang amat bermakna. Ada citra seninya – pada program yang disusun dan tempat tumpuan golongan seniman.

Ahad minggu lalu saya kembali menziarah Central Market. Pada 35 tahun lalu, tempat saya berdiri petang itu adalah gelanggang acara baca puisi di bawah tiang lampu.

Saya bertingggung sambil menonton acara yang sangat unik – menjual buku sambil mendeklamasi dan menyanyikan lagu-lagu puisi. Nampak macam main-main tetapi sebenarnya sungguh-sungguh.

Waktu itu menjual buku di tepi jalan suatu yang pelik. Lagi pula banyak budak Melayu lebih gemar muzik rock kapak dan tarian breakdance.

Habis semua kaki lima dijadikan pentas tarian breakdance yang menggelupur bagi ayam kena sembelih. Banyak budak Melayu itu meniru tanpa ilmu. Akibatnya ada yang patah tengkuk kerana hendak menjadi manusia maju.

Ketika itu juga zaman rock kapak. Kalau hendak menghayati zaman itu tontonlah filem Kembara Seniman Jalanan dan Rozana Cinta 87. Kedua-dua filem Nasir Jani ini menangkap milieus anak muda dekad 1980-an. Kecuali saya, banyak kawan-kawan sebaya memang menyuarung seragam rockers apabila keluar dari rumah.

Dari pada bawah tiang lampu itu pertama kali saya mendengar lagu *Masihkah Kau Ingat* ciptaan

# Central Market, kawan dan kenangan



**CENTRAL Market (CM) atau Pasar Seni merupakan tempat berkumpul aktivis teater, pelukis potret, kartunis, jurugambar, penyair dan buskers pada awal tahun 80 sehingga penghujung tahun 90-an.**

Sani Sudin dan lagu *Akhir Disember* ini yang dilakukan daripada puisi karya Aziz HM. Waktu itu tiga serangkai, Sani Sudin, Usop dan Siso tidak pernah berenggang. Berambut panjang dan sangat rockers penampilannya.

Sasterawan Negara A Samad Said pula antara yang paling dominan lagi berusia antara kami yang rata-rata bawah 30-an.

Pak Samad ketika itu berusia sekitar 50 tahun dan dianugerahkan Sasterawan Negara. Ketika itu Pak Samad menjadi Pengarang Sastera di Berita Harian.

Imejnya unik dan mudah diingat – rambutnya hitam panjang bersulam putih. Cermin mata bulat ala John Lennon, beg sandang kanvas dan selalu memakai capal.

Dalam beg sandang itu selalu ada buku, kertas catatan dan surat khabar yang belum habis dibaca.

Pak Samad tegar melayan gelagat kami yang sebenarnya sangat tidak setaraf dengan beliau, banyak yang tidak tahu daripada tahu.

Tetapi dalam senyum dan lembut kata Pak Samad memandu sambil menanam akal budi dan teras peribadi. Walaupun sembang kami ibarat ‘babu pun boleh terbang’ tetapi Pak Samad hanya tersenyum dan melayan.

**‘Habis semua kaki lima dijadikan pentas tarian breakdance yang mengelupur bagi ayam kena sembelih. Banyak budak Melayu itu meniru tanpa ilmu. Akibatnya ada yang patah tengkuk kerana hendak menjadi manusia maju.’**

Sesekali beliau pun bergurau yang maksudnya tidak terjangkau. Apabila ada antara kami yang tersasul menyebut ‘so’ atau ‘actually’ Pak Samad dengan cepat memintas, “So itu maksudnya jadi, *actually* itu maknanya sebenarnya.” Yang terkena memang rasa ada kelat di muka. Saya percaya mereka akan ingat teguran itu sampai bila-bila.

Saya amat beruntung kerana bukan sahaja kenal malah kerap berbual dengan Pak Samad.

Beliau banyak membentuk bingkai berfikir saya sebagai wartawan – bukan sahaja sekitar sastera malah dalam hal-hal sosipolitik dan budaya. Setiap kali berbual di Restoran Hameed, saya seperti sedang dikuliahkan dalam kelas kewartawaran.

Central Market juga sekali sekala menjadi persinggahan komposer M Nasir. Ketika itu

M Nasir tengah popular dengan filem Kembara Seniman Jalanan arahan Nasir Jani. Kecuali M Nasir, sebenarnya hanya segelintir sahaja artis popular yang sanggup ke Central Market. Tidak prestij, kata mereka.

Pada tahun-tahun berkenaan wujud semacam kebimbangan dalam kalangan artis untuk berada di tengah-tengah masyarakat – misalnya minum di warung teh tarik atau tempat yang biasa-biasa. Tetapi M Nasir berjejak di bumi nyata dan seperti biasa identitiinya unik juga – jeans, baju kotak-kotak dan kasut kanvas.

Di sebelah pintu depan dan belakang ada deretan gerai pelukis. Hampir setiap hari selepas balik dari pejabat saya melepak seketika di gerai-gerai itu. Antara yang sangat melekat diingatan ialah pelukis potret Aris Aziz. Di Central Market Aris ini macam Pak Lurah. Dia sangat dihormati.

Goresan tangan Aris seperti tidak pernah tidak menjadi. Saya cemburu tetapi sebenarnya sangat kagum dengan bakat dan kemahiran Aris. Tetapi Aris pantas menenangkan, katanya, tulis dan lukis hanya medium sahaja. Perkara penting adalah pemikiran yang menggerakkan medium.

Masih terbayang pelukis Ediet, Ajis, Dino, Suria dan beberapa lagi. Dalam banyaknya itu yang paling unik ialah Yahuk, pelukis hebat dari Sabah yang terkenal dengan imej berseluar pendek, berbaju kemeja lengan pendek, stoking belang panjang paras lutut dan bertopi koboi. Rambut dan janggutnya setanding Pak Samad.

Bagaimanapun selepas lima tahun pertama daripada 1986, suasana berubah sedikit demi sedikit. Malah sedikit demi sedikit juga generasi lain memenuhi Central Market. Banyak mat punk, hip hop dan macam-macam lagi yang terkeluar dengan era saya.

Banyak kawan-kawan sudah mengundurkan diri. Mungkin atas faktor kehidupan – tuntutan kerjaya dan keluarga.

Tetapi yang terus ada di situ ialah satu-satunya posmen yang menjadi penyair, Marjan S. Saya terus menjadikan Central Market tempat berkarya hingga sebelum

berkuat kuasanya PKP 2020.

Ada yang menjadi ahli korporat dan sudah tidak punya masa untuk berbual kosong seperti dulu.

Ada yang bergelut dengan tuntutan hidup yang amat mencabar – berjaya secara kecil-kecilan di kaki lima.

Cuma tiga serangkai - Siso, Sani dan Usop tidak ke mana-mana. Mereka terus berada dalam lingkaran Central Market walaupun hingga tiga dekad kemudian.

Senja itu menyelak helai kenangan satu demi satu - di sinilah saya mengisi zaman muda sebagai perantau kota.

Walaupun Central Market bukan apa-apa, tetapi sosialisasi dan kawan-kawan di sekitarnya ada signifikan dengan kerjaya dan kehidupan saya.

Central Market mempertemu sekali gus mengakrabkan saya dengan mereka yang besar dan penuh wibawa.

Cahaya jingga yang semakin lembut senja itu mengirimkan rasa syahdu dan pilu.

Teringat kepada kawan-kawan yang dulunya bergelak ketawa di situ terlebih dahulu dijemput Ilahi - Mahmud Amat, Mohamad Nuizi, Zaini Zaa, Ithnin Jabar, Tengku Alias Taib (T. Alias Taib) dan Marjan S. Barangkali berbaris nama lagi yang tidak diketahui.

Tiba-tiba saya terasa dihujani rasa kehilangan yang amat sangat tatkala menghantar mentari pulang ke bingkai malam.

## SAJAK

### YANG PULANG

Sebelum merentas periksa cerdas dengan akal waras di sepanjang perjalanan jangan ada yang terlepas menyebarkan basil menyalah menyerang sejahtera.

Semasa merentas melangkahlah dengan waspada bertemuah dengan bijaksana ikut logik pemikiran bukan hanya menyerbu seperti agenda di hutan.

Di destinasi, peliharalah waskita hiduplah seperti biasa cuma gaya yang berbeza.

Bila pintu telah dibuka jangan pula ditutup mata yang terbuka dan hati yang tercinta!

**M Syazwi**  
Balai Seni Negara, Langkawi

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# Dapat lif baharu jaga baik-baik

**K**HABAR gembira untuk penghuni 67 Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Lif di kediaman mereka akan diganti baharu mulai tahun hadapan dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM127 juta bagi tujuan ini.

Pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika lawatan ke PA Seri Perak, Sentul Sabtu 16 Oktober lalu pasti melegakan penghuni PPR dan PA yang selama ini sering mengeluh lif kerap rosak kerana sudah terlalu tua usianya, sehingga ada melebihi 35 tahun.

Apabila lif tidak berfungsi, penghuni berdepan masalah untuk turun naik, apatah lagi ketika waktu puncak seperti waktu hendak pergi dan balik bekerja atau ke sekolah.

Adi dapat bayangkan betapa masalah ini lebih dirasai oleh mereka yang tinggal di unit kediaman tinggi dan terpaksa mendaki banyak anak tangga. Tentu sahaja beban bertambah jika mereka membawa barang.

Sememangnya umur lif di kebanyakan PPR dan PA sudah sama usia dengan kediaman itu sendiri.

Kerana itu kerosakan seiring berlaku. Tetapi kerap pula kerosakan berlaku kerana lif tidak dijaga dengan baik oleh penghuni sendiri.

Sudah kerap didengar kes vandalisme lif di PPR dan PA. Lif diconteng, sampah dan kekotoran bersepadah adalah antara yang kerap dilaporkan.

Malah ada pula yang gatal tangan merosakkan butang lif sehingga lif tidak boleh beroperasi.

Kerana itu, jika pun lif disenggara secara berkala tetapi tidak dijaga dengan baik dan digunakan dengan ‘kasih sayang’ oleh penghuni, ia akan tetap kerap rosak.

Akhirnya yang susah ialah penghuni sendiri, tambahan ketika kecemasan seperti untuk menghantar pesakit ke hospital, kebakaran dan lain-lain.

Kerana itu Adi berharap dan menasihati segelintir mereka yang suka melakukan vandalisme ini supaya memikirkan sama kepentingan orang lain. Uabhlah sikap. Jangan kerana perbuatan mereka, kesemua penduduk susah. Bagaimana jika terkena kepada ahli keluarga sendiri? Baru mahu insaf?

Apabila kali ini kerajaan melalui DBKL bersetuju menggantikan lif lama di semua PPR dan PA, pupuklah azam



**PERDANA MENTERI, DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB BERSAMA MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK SERI DR SHAHIDAN KASSIM TURUN PADANG MENINJAU KEADAAN LIF DI PA SERI PERAK SABTU LALU.**

baharu menjaga harta benda awam dengan sebaik-baiknya. Kerja-kerja penggantian dijangka bermula tahun hadapan apabila perolehan kontrak selesai.

Jika perolehan kontrak selesai lebih awal, kerja-kerja memasang lif baharu dijangka dimulakan lebih awal. Menurut Ismail Sabri, tempoh pemasangan mungkin memakan masa antara setahun hingga dua tahun. Semua bergantung kepada kontrak dan jumlah blok bagi setiap PPR atau PA.

Daripada peruntukan RM127 juta memasang lif baharu itu, Ismail memberitahu, DBKL menyalurkan RM8.4 juta kepada PA Seri Perak yang beliau lawati.

Peruntukan ini akan digunakan bagi mengganti 14 unit lif di tujuh blok kawasan perumahan tersebut yang telah berusia 35 tahun.

Bukan sahaja mengganti lif, DBKL juga memperuntukkan RM1.8 juta bagi pendawaian

elektrik di PA Seri Perak memandangkan pendawaian yang ada sekarang juga sudah terlalu lama dan boleh membahayakan penduduk.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa prihatin kepada PPR dan PA yang merupakan kediaman golongan B40.

Kerana itu proses menambah baik atau menaik taraf kemudahan dilakukan berterusan bagi memastikan keselesaan penghuni.

Selain peruntukan mengganti lif, sebanyak RM15 juta lagi diperuntuk bagi kerja-kerja menaik taraf dan membaiki longkang, kaki lima, taman permainan kanak-kanak dan gelanggang futsal di semua PPR dan PA di Kuala Lumpur.

Menyedari masalah letak kereta di kawasan kediaman ini, kerajaan juga merangka kaedah terbaik, antaranya membina bangunan letak kereta bertingkat.

Dengan itu tidaklah

**“Adi dapat bayangkan betapa masalah ini lebih dirasai oleh mereka yang tinggal di unit kediaman tinggi dan terpaksa mendaki banyak anak tangga. Tentu sahaja beban bertambah jika mereka membawa barang.**

kenderaan diletak di merata kawasan perumahan sehingga boleh menganggu pergerakan orang ramai dan lalu lintas.

Harapan Adi kepada penghuni PPR dan PA khususnya, hargailah segala usaha kerajaan yang mahukan kehidupan selesa untuk mereka. Sentiasalah jaga kesejahteraan PPR dan PA.

Jaga kebersihan dan jaga harta awam yang disediakan untuk kemudahan bersama. Jadikan PPR atau PA kawasan kediaman ceria untuk semua.

Ingat, masih ramai menunggu peluang menduduki PPR dan PA tetapi terpaksa menunggu lama kerana jumlahnya ramai sedangkan unit PPR dan PA terhad.

Oleh itu, mereka yang mendapat rezeki menduduki PPR dan PA bersyukurlah. Jaga ia dengan sebaik-baiknya.

Adi — ‘Rumahku Syurgaku’

## HUTAN SIMPAN BAHARU DI KL

**BERKUATKUASA** 8 Oktober 2021, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur memperoleh kawasan hutan simpan kekal baharu seluas 23.83 hektar di Mukim Petaling yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

Memetik Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Takiyuddin Hassan, Hutan Simpan Sungai Besi (Tambahan) itu diwartakan bagi mengganti kawasan Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh, Mukim Cheras, Kuala Lumpur seluas 7.48 hektar yang diwarta keluar bagi membolehkan kerja pembangunan Lebuh Raya Sungai Besi—Ulu Kelang (SUKU).

Katanya, hutan simpan itu juga diwartakan sebagai hutan perlindungan dan dikelaskan sebagai hutan penyelidikan, hutan lipur dan hutan pelajaran di bawah sub seksyen 10(1) Akta 313. Ia juga diisyiharkan sebagai hutan tertutup di bawah Seksyen 45 Akta sama.

Adi difahamkan, dengan pewartaan hutan simpan kekal baharu ini telah meningkatkan kawasan hutan di Kuala Lumpur kepada 0.35 peratus daripada keluasan tanah keseluruhan berbanding dengan hanya 0.28 peratus sebelum ini.

Dalam arus pembangunan pesat Kuala Lumpur yang dipenuhi dengan hutan batu, penambahan keluasan kawasan hutan simpan di Kuala Lumpur sangat dialu-alukan.

Bukan sahaja ia sebagai aset semula jadi sangat berharga kepada Kuala Lumpur tetapi pokok-pokok hutan hijau ini mampu menjadi pengimbang pembangunan pesat di ibu negara.

Ini juga selari dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya rendah karbon. Sekurang-kurangnya kehadiran hutan hijau ini dapat membantu menyerap segala bentuk pencemaran dan pelepasan karbon yang memenuhi ruang udara ibu kota.

Sekalipun sudah ada taman-taman dan kawasan rekreasi menghijau di merata pelosok ibu negara, ia belum mencukupi untuk mewujudkan persekitaran hijau.

Hutan simpan kekal adalah khazanah alam yang sangat berguna bagi kesejahteraan bandar raya dan keselesaan warganya.

Warga Kuala Lumpur yang saban hari berdepan dengan pelbagai cabaran seperti kesesakan lalu lintas dan pencemaran pelbagai punca sentiasa mengharapkan persekitaran yang bersih dan segar. Di sinilah hutan simpan memainkan peranan.

Adi berharap hutan simpan yang telah diwartakan akan terus terpelihara sehingga generasi akan datang dan tidak diganggu gugat atas nama pembangunan.

Jika terpaksa, segera cari ganti dan pastikan nisbah hutan simpan tetap sama, malah seeloknya ditambah lagi.

Adi — Sayangilah hutan kita

- Adi Tuah

*Adi Tuah*

## SKETSA



**SAJAK**

## RANTAI

Rantai itu telah menjerut hela nafas ribuan terkulai di kamar ICU.

Pernah suatu waktu rantai itu hampir diputuskan namun kerana kita leka dan raku maka ia kembali membelit hingga kini.

Memutuskan rantai itu berjaya atau gagal jawapannya ada di dalam diri setiap dari kita.

**Mohd Salleh Osman**  
Presint 16, Putrajaya.

Harap ditempatkan di lokasi niaga baharu secepat mungkin

# Peniaga syukur terima bantuan YWP

AZLAN ZAMBRY

**K**EBAKARAN yang berpunca daripada litar pintas telah mengakibatkan kira-kira lima buah gerai berhampiran Pusat Transformasi Bandar (UTC) Sentul, Kuala Lumpur musnah sekali gus menyukarkan kehidupan peniaga terlibat yang baru sahaja melakukan perniagaan.

Salah seorang mangsa, **Mohamad Zaki Ismail** berkata, dia tidak menyangka perniagaan yang dijalankan di kawasan itu lebih 20 tahun lalu akan musnah sekelip mata.

"Sejak berniaga, kami amat titik beratkan keselamatan. Namun apakan daya apabila terjadi, kami terpaksa reda dengan ketentuan.

"Kami juga bersyukur kerana tiada kemalangan jiwa mahupun kecederaan kerana sempat menyelamatkan diri masing-masing," katanya.

Dia ditemui *Wilayahku* selepas Majlis Penyerahan Bantuan oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk

Ramlan Askolani baru-baru ini.

Menurut Mohamad Zaki, dia juga bersyukur kerana pemimpin masyarakat hadir dan turut membantu termasuklah mendapat perhatian daripada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

"Kesedihan ini terubat sedikit dengan bantuan yang diberikan YWP. Meskipun ia tidak menyelesaikan masalah, namun saya akui ia sedikit sebanyak dapat meringankan beban dan kesedihan yang terpaksa ditanggung."

"Selain itu, ia turut menjadi bukti bahawa YWP sangat mudah menyalurkan bantuan untuk mangsa kebakaran seperti kami," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyifatkan bantuan tersebut sebagai pembuka rezeki kerana pihak baitulmal turut akan menyalurkan bantuan kecemasan kepada mereka.

"Apabila musibah ini berlaku, saya mengharapkan agar pihak kerajaan dapat membantu mendapatkan



ZAKI (kiri) menerima sumbangan daripada Ramlan dan disaksikan Gulam Muszaffar baru-baru ini.

kawasan yang lebih selamat untuk meneruskan perniagaan," katanya.

Sementara itu, Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MPPWPKL) Parlimen Batu, **Gulam Muszaffar Gulam**

sesak dan ia menimbulkan persoalan mengenai keselamatan.

"Kami berpendapat peniaga-peniaga di situ perlu dipindahkan di kawasan yang lebih sesuai dan saya akan membawa perkara ini kepada pihak pengurusan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk tindakan lanjut," katanya.

Dalam pada itu, Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti YWP, **Kamaruzaman Mustapha** berkata, bantuan yang disalurkan merupakan bantuan bencana yang diberikan secara tunai bernilai RM500.

"Biasanya kami akan berikan kepada kes-kes yang melibatkan kebakaran di Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau gerai peniaga kecil dan kes lain itu akan diberikan mengikut kriteria tertentu."

"Bagi lima peniaga ini, mereka layak untuk mendapat bantuan daripada kami kerana mereka peniaga kecil dan tergolong dalam kategori B40 serta wajar mendapat bantuan dan pembelaan YWP," katanya. **WK**

## Huawei Malaysia sumbang peranti, bantu tingkatkan pendidikan negara

**HUAWEI** Technologies (Malaysia) Sdn Bhd (Huawei Malaysia) menyumbangkan 10 peranti pintar dan 10 unit alat penghubung jalur lebar (*routers*), WiFi AX3 kepada Persatuan Bekas Pelajar Kolej Melayu (MCOBA) untuk kegunaan pelajar Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), Perak.

Inisiatif berkenaan bertujuan memacu peningkatan pembelajaran digital di sekolah seiring perkembangan dan pemulihhan negara dalam tempoh pasca-pandemik.

Presiden MCOBA, **Tunku Datuk Ahmad Burhanuddin Tunku Adnan** berkata, pembelajaran digital perlu dikekalkan sejajar inisiatif MCKK sendiri dan sumbangan Huawei pula selari dengannya.

"Sebagai penyedia penyelesaian teknologi maklumat global yang terkemuka, sumbangan Huawei memberi makna yang besar dan peranti yang disalurkan membolehkan pelajar kolej bersaing."

"Selain itu, sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada transformasi digital dan keupayaan MCKK menyampaikan pengajaran secara digital dapat membantu mengukuhkannya sebagai salah sebuah institusi terkemuka negara," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Huawei Malaysia, Michael Yuan pula, penularan pandemik telah mempercepat pendidikan digital yang cerdas di samping memberi penekanan bahawa tidak ada yang mampu ketinggalan.

Katanya, kerjasama antara kedua pihak dapat membantu membangunkan kemahiran teknologi maklumat dalam kalangan rakyat Malaysia di samping mengembangkan ekonomi digital.

"Kami berharap sumbangan kepada sa-



YUAN menyampaikan replika sumbangan kepada MCKK.

lah satu institusi pendidikan utama di Malaysia ini dapat membantu kesinambungan pendidikan pelajar yang tergenda akibat penularan wabak pada masa ini.

"Sambungan rangkaian berkelajuan tinggi yang stabil sangat penting dalam memastikan pelajar mendapatkan pendidikan yang sempurna."

"Perkakasan seperti Huawei Wi-Fi AX3 dilihat dapat menyokong pembelajaran hibrid dan kami yakin ia adalah langkah tepat ke arah memanfaatkan bakat digital masa depan, dilengkapi dengan kemahiran dan yang paling penting, minat terhadap teknologi," katanya.

Dalam pada itu, Yuan memberitahu, pihaknya akan memberdayakan masyarakat, mendorong tenaga kerja, merangsang ekonomi dan membantu menjadikan Malaysia sebagai Hab Digital Asean.

"Kami yakin perkongsian awam-swas-

ta adalah elemen penting untuk mencapai aspirasi ini dan kami berharap dapat memainkan peranan untuk memupuk bakat masa depan di samping membantu transformasi digital negara," katanya.

Tambah beliau, Huawei Malaysia juga telah bekerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi kerajaan untuk memastikan kesinambungan pengajaran serta pembelajaran dalam tempoh pasca-pandemik menerusi pelbagai saluran termasuk mengedarkan peranti digital secara langsung kepada pelajar yang kurang berasib baik.

Katanya, syarikat tetap komited untuk memastikan setiap orang mempunyai hak untuk pendidikan dan percaya bahawa teknologi dapat membantu membawa sumber pembelajaran ke tempat yang sangat diperlukan bagi menyokong pengembangan pendidikan. **WK**

## Tujuh ditahan, 73 dikompaun langgar SOP

DARI MUKA DEPAN

**PADAH** mengabaikan prosedur operasi standard (SOP) menerusi pengarjuran parti hari jadi, tujuh individu termasuk pelayan pelanggan (GRO) ditahan di sebuah pusat hiburan Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Dalam serbuan pada pukul 12.30 pagi, 20 Oktober lalu itu juga, seramai 73 pengunjung yang berusia 20 hingga 37 tahun turut dikompaun RM5,000 bagi setiap individu.

Anggaran keseluruhan kompaun adalah kira-kira RM415,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, **Senior Asisten Komisioner Saiful Annuar Yusoff** berkata, pengurus yang juga penjaga premis berkenaan dikompaun sebanyak RM50,000 dan direman selama satu hari.

"Kesemua enam GRO adalah warga asing dan mereka direman selama 14 hari.

"Siasatan akan dijalankan di bawah peruntukan Peraturan 17(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemuliharan Negara) 2021; Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan iii. Seksyen 55B Akta Imigresen," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut Saiful Annuar, Polis Kuala Lumpur memberi amaran keras agar orang ramai tidak terlibat dengan apa-apa kegiatan yang melanggar undang-undang.

Pihak Polis Kuala Lumpur juga tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana orang yang melanggar undang-undang dan orang awam yang mempunyai sebarang maklumat atau pertanyaan boleh menyalurkannya kepada pihak Polis menerusi Hotline Polis Kuala Lumpur, 03-2146 0584/585 atau mana-mana balai polis berhampiran. **WK**

# MEDIA WARGA KOTA

**Dapatkan  
di 500 lokasi terpilih  
di Kuala Lumpur,  
Putrajaya dan Labuan**

\* Maklumat lanjut layari: [www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my) \*



SEBAHAGIAN LOKASI EDARAN  
AKHBAR WILAYAHU

**KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL:** DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ **JALAN RAJA LAUT:** PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ **JALAN PAHANG:** RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ **JALAN MASJIDINDIA:** PT10BUSINESSCENTRE ■ **KAMPUNGBARU:** YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNGBARU ■ PASARAYA ANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJSTOREONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ **JALAN TUN RAZAK:** INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■

**PUTRAJAYA - PRESINT 1:** MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■ **PRESINT 2:** KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■

**LABUAN** - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFS ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCH-RANCH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

KWP laksana program bantu usahawan komuniti

# Seni jahitan kreatif buka peluang warga PPR/PA jadi usahawan



AZLAN ZAMBRY

**K**EDUDUKAN masyarakat terutama golongan rentan dan B40 di ibu kota ketika pandemik COVID-19 menjadikan mereka berada paling bawah dan memerlukan bantuan daripada kerajaan untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka.

Pelbagai kaedah dirangka bagi membolehkan golongan ini berdikari sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan dan meningkatkan kedudukan mereka di dalam masyarakat.

Program Seni Jahitan Kreatif anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) antara lain dapat memperbaiki taraf kehidupan golongan ini terutama yang mendiami di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan merapatkan kembali jurang dalam sosioekonomi masyarakat.

Melalui program yang dirangka dengan terperinci mampu memperbaiki taraf ekonomi golongan tersebut dan sekali gus



MOHD MAHYUDDIN YAHYA

membantu kerajaan dalam menguruskan masyarakat agar tidak ketinggalan dalam program-program yang bersifat keusahawanan.

Timbalan Setiausaha Bahagian Sosio Ekonomi KWP, **Mohd Mahyuddin Yahya** berkata, keadaan sebahagian besar

warga kota yang berhadapan dengan masalah untuk menjana pendapatan bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup yang tinggi menjadi pemungkin kepada pihaknya untuk memperkenalkan Program Jahitan Kreatif khusus untuk golongan suri rumah, ibu tunggal dan wanita muda yang menetap di PPR dan PA.

“KWP telah merancang beberapa program berbentuk keusahawanan bagi melahirkan usahawan *start up* serta konsep keusahawanan dari rumah melalui program seni jahitan kreatif yang telah dilaksanakan pada bulan April lalu.

“Untuk kumpulan pertama, seramai 50 orang usahawan yang terpilih ini merupakan penduduk PPR dan PA yang merupakan golongan B40 telah dipilih berdasarkan kriteria ditetapkan dan juga telah lulus dalam sesi temuduga yang dijalankan oleh DBKL,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Menurut Mohd Mahyuddin, 50 usahawan komuniti seni jahitan kreatif telah dilatih dengan kerjasama DBKL, SME Corporation Malaysia dan Persatuan Seni Jahitan Kreatif (PSJK) Malaysia yang



PESERTA seni jahitan kreatif dilatih untuk menghasilkan produk seperti pakaian, tote bag dan pelitup muka.

dinaungi oleh Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

“Kesemua peserta ini diajar secara *hands on* untuk membuat

seni kreatif dan seterusnya mengeluarkan produk jahitan seperti membuat tote bag, pelitup muka, soft toys di *Sewing World Gallery*, One City, Subang.

“Para peserta turut disediakan makanan dan tempat tinggal selama seminggu sepanjang kursus berlangsung dan mereka turut mendapat sebuah mesin jahit dan bahan-bahan jahitan secara percuma yang bernilai RM10,000 untuk mengikuti kursus ini dan akan terus digunakan selepas latihan tamat untuk tujuan keusahawanan,” katanya.

Jelas Mohd Mahyuddin, selain daripada latihan atas jahitan kreatif, peserta turut dapat mengikuti kursus *upskilling* jahitan kreatif yang dilaksanakan secara percuma menerusi saluran *online video conferencing* yang disediakan oleh PSJK.

“Para usahawan ini juga akan terus dibimbang dan dipantau prestasi jualan masing-masing oleh PSJK untuk membolehkan mereka memasarkan produk yang dihasilkan melalui platform *online* bagi tempoh enam bulan seterusnya.

“Bagi tujuan tersebut, PSJK telah menyediakan satu platform *online* yang

dinamakan *The Tunku Azizah Handmade Market (TTAHM)*. Untuk rekor, TTAHM sebenarnya telah beroperasi secara *offline* semenjak tahun 2019 di *Sewing World Gallery*, USJ,” katanya.

Ujarnya, berdasarkan rekor, KWP mendapati program usahawan komuniti ini telah berjaya membuka peluang kepada para usahawan menjana pendapatan untuk membantu keluarga dengan menjalankan operasi perniagaan mereka tanpa perlu meninggalkan rumah masing-masing.

“Ada dalam kalangan usahawan ini yang berjaya meningkatkan kemahiran mereka dengan mengeluarkan pelbagai produk seni jahitan kreatif dan meraih purata jualan di antara RM300 hingga RM2,000 sebulan.

“Selain itu, sekiranya ada di antara mereka menghadapi masalah atau tidak membuat sebarang jualan, pihak PSJK dan KWP akan mencari jalan untuk membimbing mereka supaya jualan dapat dilaksanakan dan bimbingan secara berterusan akan diberikan,” katanya.

Tambahnya, pihaknya kerjasama SME Corps Sdn Bhd telah membuat perjanjian dengan peserta bagi mengelakkan mesin yang dibekalkan itu tidak disalah guna atau dijual dalam tempoh dua tahun. **W.K**



MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Shahidan kassim menyampaikan sijil penyertaan Program Seni Jahitan Kreatif kepada peserta yang berjaya menamatkan kursus baru-baru ini.



KIRA-KIRA 10 jenis beg dihasilkan dalam program usahawan seni jahitan kreatif.

## “Sebelum ini tidak tahu boleh jahit macam ini,” - Munira

**P**ROGRAM Seni jahitan kreatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah membuka dimensi baharu dalam hidup seorang wanita yang turut terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

**Munira Yahya**, 43, yang menetap di PPR Desa Rejang mengakui, program usahawan seni jahitan kreatif ini telah berjaya membuka lembaran baharu di dalam hidupnya melalui peluang yang dia berikan.

“Saya merupakan bekas kerani di syarikat swasta yang telah berhenti kerja. Bidang ini sangat baharu dan apabila ditawarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), saya mengambil peluang tersebut tanpa menoleh ke belakang,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Munira berkata, beliau mengakui melalui program ini, kemahiran jahitan yang telah dipelajari menjadikannya bersemangat dalam menghasilkan produk yang berkaitan. “Sebelum ini, saya tidak tahu boleh buat macam ini kerana beranggapan ia sukar untuk dilaksanakan.

“Apabila dibimbing oleh tenaga pengajar yang berpengalaman, saya

gembira kerana berjaya menghasilkan produk kraf tangan dan lebih menggembirakan kerana ia boleh dijual dan menjana pendapatan hanya dari rumah,” katanya.

Beliau berkata, sepanjang menyertai program ini, banyak ilmu jahitan yang telah diberikan selain turut dibekalkan dengan peralatan.

“Mereka turut memberikan peralatan jahitan seperti kain, gunting serta mesin jahit industri dan ia lengkap untuk saya hendak memulakan jahitan kreatif seperti yang banyak dijual di kedai-kedai.

“Produk yang saya buat adalah beg, dan telah berjaya membuat kira-kira 10 jenis beg dan ia akan dibuat berdasarkan kepada pesanan yang diterima,” katanya.

Tambahnya, sewaktu tempoh PKP saya turut

menjahit pelitup muka dan banyak mendapat tempahan daripada rakan-rakan dan memasarkan produk tersebut secara *online*, kumpulan WhatsApp, Instagram dan Facebook.

Sementara itu, bagi **Nur Rabeah Jabbar**, 34, yang merupakan penjahit pakaian wanita sepenuh masa menganggap program yang disertainya ini amat bermanfaat dan mampu meningkatkan kemahiran baharu dalam seni jahitan kreatif.

“Sebelum ini saya memang merupakan penjahit pakaian wanita dan sering menerima tempahan daripada kawasan sekitar tempat tinggal saya.

“Apabila pihak DBKL mendorong saya untuk serta program ini, ia telah membuka peluang yang lebih besar kepada saya untuk lebih maju dan berjaya di dalam seni jahitan ini,”



katanya.

Nur Rabeah berkata, program yang disertainya ini dapat memperkuatkan ilmu jahitan yang sedia ada dalam masa sama turut menambah kepada kemahiran jahitan yang sedia ada.

“Sebagai contoh, sebelum ini saya hanya menjahit pakaian wanita seperti baju kurung, baju kebarung dan beberapa jenis pakaian sebelum ini.

“Setelah menjalani latihan dan tunjuk ajar, saya boleh menghasilkan pelbagai jenis beg menggunakan kain termasuklah beg pensil, beg sandang, pelitup

muka dan lain-lain,” katanya.

Nur Rabeah memberitahu, beliau dan peserta lain yang terpilih perlu mengikuti kursus selama seminggu di sebuah hotel secara percuma terlebih dahulu bagi mengukuhkan kemahiran asas di dalam seni jahitan kreatif ini.

“Dalam kursus tersebut, kami diperkenalkan dengan jahitan kreatif dan diajar mengenai teknik jahitan, pemotongan kain dan diajar cara untuk mengendalikan mesin jahit.

“Mereka memberikan latihan dan ia lebih kepada kraf tangan dan saya bermula dengan membuat baju, melalui latihan yang diberikan itu, saya sudah mampu membuat beg dan ia boleh menambah pendapatan.

“Ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihak syarikat turut menghantar video mengenai teknik-teknik jahitan melalui WhatsApp. Malah baru-baru ini, saya juga ada datang belajar dengan cikgu kerana ia terbuka kepada peserta yang memerlukan bimbingan tambahan,” katanya.

Ujar Nur Rabeah, beliau dan peserta lain turut diberikan mesin jahit industri berkualiti tinggi yang dapat memudahkan mereka untuk menghasilkan jahitan kreatif dan ia setanding dengan produk yang dijual di kompleks beli belah.



MUNIRA menunjukkan antara hasil tangannya semasa mengikuti kursus.



**PERDANA MENTERI**, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, diiringi Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim melihat keadaan lif yang telah dibaik pulih.



## Sentuhan Keluarga Malaysia Perdana Menteri



AMIN FARIJ HASAN

**P**ADA pagi 16 Oktober lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, diiringi Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim bersama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, turun padang ke Perumahan Awam Seri Perak bagi menyampaikan sumbangan


bakul makanan kepada 121 penduduk yang juga penerima bantuan e-kasih.

Perdana Menteri juga turut meninjau ke kawasan sekeliling bagi melihat sendiri kerja-kerja menaik taraf dan pembinaan melibatkan taman permainan kanak-kanak, kawasan lapang serbaguna, gelanggang futsal juga baik pulih lif yang telah disempurnakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi keselesaan komuniti di situ.

Program turun padang Perdana Menteri ini diserikan

lagi dengan pengumuman peruntukan sebanyak RM 127 juta bagi menampung kos penukaran serta baik pulih lif untuk semua PPR dan Perumahan Awam di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan dijangka akan bermula pada tahun 2022.

Dengan semangat Keluarga Malaysia, kerajaan amat memahami permasalahan utama dan memandang serius isu yang membabitkan komuniti yang tinggal di kawasan PPR dan Perumahan Awam. **WK**





**KEADAAN** kawasan lapang serbaguna yang telah dinaik taraf bagi keselesaan komuniti.

# Gangguan mental bukan gila - Tasha Manshahar



DEEL ANJER

**PENYANYI** yang juga guru, Tasha Manshahar berharap masyarakat tidak memandang ringan terhadap masalah mental atau gangguan emosi yang dialami orang sekeliling.

Bagi pemilik nama sebenar **Nur Nadia Natasha Mohd Manshahar**, 28, stigma yang menyamakan gangguan emosi dengan gila menyebabkan ramai yang tidak mahu mendapatkan rawatan.

"Kita dapat lihat bagaimana kehidupan dalam norma baharu ini memberi kesan kepada individu dari segi fizikal, mental dan emosi. Dulu jarang dengar tentang individu mengalami gangguan mental seperti keceluaran, keresahan, serangan panik, kemurungan atau depresi tetapi

dalam musim pandemik ini ia seperti perkara biasa.

"Sesetengah individu memerlukan rakan untuk bercakap, berkongsi rasa dan masalah tetapi tidak tahu kepada siapa untuk diluahkan. Keadaan itu membimbangkan apabila mereka memilih orang yang tidak dikenali. Kerana apa? Ini kerana orang tersebut tidak akan menghukum dan menilai."

"Saya percaya orang jadi malu nak ketengahkan isu ini dan meminta bantuan kerana stigma masyarakat yang berlaku di sekeliling kita seperti takut dihakimi. Apabila berjumpa dengan psikiatri pula, mereka dianggap gila."

"Jadi, saya menyeru agar masyarakat kita menghentikan stigma dan mendidik masyarakat bahawa gangguan mental, bukan bererti gila dan tidak siuman," luah Tasha Manshahar yang

menganggap isu gangguan mental sukar diatasi jika fikiran masyarakat masih di takuk lama.

Dalam masa sama, Tasha juga mengingatkan agar mereka yang mempunyai gangguan mental berusaha untuk bertemu dengan kaunselor bertaualiah.

"Dulu kita selalu dengar bahawa gangguan mental ini sering dan selalu berlaku pada orang dewasa tapi sekarang di dalam musim pandemik ini, ia tidak kira peringkat umur."

"Gangguan mental pula banyak jenis dan kebanyakannya memerlukan bantuan tidak tahu di mana untuk mendapatkannya. Selain mendapatkan kaunselor bertaualiah, pemilihan rakan juga sangat penting kerana ia memberi kesan terhadap mental kita," ujarnya lagi.

Tasha juga akui, dia tidak terlepas mengalami gangguan emosi dalam tempoh pandemik



yang sangat mencabar ini. Ditambah pula dengan dirinya yang sedang berbadan dua.

"Saya akui tidak terkecuali terkesan dengan pandemik yang membuatkan gangguan kepada fizikal, mental, emosi dan rohani."

"Bukan sahaja dugaan berjauhan dengan keluarga (sebelum dibenarkan merentas negeri), saya turut diuji apabila ahli keluarga dijangkiti COVID-19 termasuk ibu yang dimasukkan ke dalam ICU (Unit Rawatan Rapi) kerana berada dalam tahap kelima. Dua kali ibu diintubasi."

"Keadaan ibu juga sangat kritikal ketika itu. Jangkitan di paru-paru sangat teruk dan doktor tidak

dapat memberi apa-apa jaminan.

"Ini merupakan fasa yang sangat berat untuk diri saya selain mengalami alahan kehamilan yang sangat teruk," jelasnya yang trauma mendengar dering telefon.

Tambahnya, disebabkan terlalu bimbang dan risau tentang apa yang sedang berlaku, dia akui sukar untuk mengawal emosi malah sering menangis.

"Alhamdulillah, berkat doa keluarga, rakan-rakan dan pengikut di Instagram, ibu saya dibenarkan keluar selepas 23 hari berada di hospital," katanya yang berharap pengalamannya itu boleh mengubah stigma masyarakat terhadap gangguan mental. **WK**

## Ben Ali, Nadiyah Shahab 'sediakan payung sebelum hujan'



**DI** saat ramai peniaga memberi fokus sepenuhnya kepada perniagaan secara atas talian (*online*), pasangan suami isteri pelakon, **Ben Ali** dan **Nadiyah Shahab** mengambil langkah sebaliknya.

Selepas tiga tahun beroperasi dalam talian, pasangan yang mengusahakan Absolut Chocolat kini mengorak langkah mempunyai cawangan stor fizikal pertamanya di pusat beli belah terkemuka, Mid Valley Megamall.

Ben selaku Pengarah Urusan syarikat berkenaan berkata, tujuan utama memasuki pasaran '*offline*' dengan menyasarkan kesemua pasar raya terkemuka sekitar Lembah Klang itu sebagai strategi keluar dari zon selesa.

"Ini kerana sektor '*offline*' terutamanya dalam pasar raya mega ini didominasi oleh bangsa lain selain Melayu."

"Lantas ia menjadikan faktor ini sebagai satu cabaran dan batu loncatan kepada kami untuk terus maju ke

hadapan melalui visi dan misi yang diperjuangkan."

"Walaupun laluan itu tidak mudah, saya optimis. Usaha ini juga sebagai langkah permulaan bagi kami untuk membawa nama Absolut Chocolat tidak hanya di Malaysia, bahkan di serata dunia," katanya.

Tambah Ben atau nama penuhnya, Nur Ali Nadzwan, jenama yang baru menerima pengiktirafan oleh Superbrand International itu juga cuba melawan arus.

"Antara sebab lain kenapa kami melebarkan cabang peniagaan ke sektor luar talian (*offline*) ini selepas melihat kesan pandemik COVID-19 yang menggegar dunia. Khususnya kepada peniaga *offline* yang paling terkesan dan terpaksa menutup kedai selama berbulan-bulan kerana terpaksa akur dengan arahan pihak berkuasa."

"Di saat banyak perniagaan *offline* mahu bertukar ke *online*, kami pula

mengambil langkah sebaliknya. Usaha itu juga sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya apa-apa berlaku pada dunia dalam talian.

"Sekurang-kurangnya kami mempunyai sandaran perniagaan *offline* juga. Siapa pun tidak pernah menyangka bahawa suatu hari nanti, dunia perlu menutup operasi ekonomi secara menyeluruh," katanya yang merancang membuka empat lagi cawangan kios di Pavilion KL, Sunway Pyramid, IOI Mall Putrajaya dan Sunway Velocity bermula dari Oktober sehingga Disember 2021. **WK**



## Hasnol kenang Allahyarham Adnan, Tony Spider

**PENYANYI** Hasnol merakamkan semula lagu, *Laguku Untukmu* ciptaan Allahyarham Datuk Adnan Abu Hassan sebagai tanda penghargaan dan tribute kepada komposer itu.

Lagu yang dirakam semula secara *remix* dan instrumental ini adalah salah satu lagu yang dimuatkan dalam album terbaru Hasnol berjudul *Nadi Cinta Kita*.

Selain itu, Hasnol atau nama sebenarnya **Hasnol Hassan Ariff**, 51, menyanyikan lagu ciptaan Allahyarham Tony Spider berjudul *Hilang* yang juga terkandung dalam album tersebut.

"Pada mulanya, album *Nadi Cinta Kita* ini adalah satu dedikasi saya buat isteri

sempena ulang tahun perkahwinan kami yang ke-10 tahun lalu.

"Namun dari sudut lain, pembikinan album baharu ini juga membuatkan saya bersemangat untuk dedikasikannya kepada kedua-dua sahabat yang pernah bekerjasama dalam album pertama dan baharu."

"Justeru dengan pemergian sahabat karib yang diibaratkan seperti ahli keluarga sendiri, album ini terus menjadi tribute."

"Misalnya dalam lagu *Hilang*, saya telah menulis bait-bait lagu yang berkisar tentang seorang insan yang merindukan cinta pencipta dan secara tidak *tahu*,

sebenarnya saya menulis tentang kisah arwah," ujarnya yang tidak dapat melupakan jasa Allahyarham Adnan dan Tony sejak awal pembabitannya sebagai penyanyi.

Selain lagu *Hilang* dan *Laguku Untukmu Remix 2020*, album *Nadi Cinta Kita* juga memuatkan lagu-lagu lain seperti *Nadi Cinta Kita*, *The Ryhtm Of Love* dan tiga lagu lagi dalam versi instrumental.

Untuk rekod, Hasnol pernah dinobatkan sebagai pemenang kategori Pop Rock dalam Anugerah Juara Lagu ke-8 (1993) menerusi lagu *Sudi Katakan Sudi* ciptaan Allahyarham Datuk Adnan Abu Hassan. **WK**

# Empat filem kupas isu kesihatan mental



DIANA SYUHADA  
MOHD AMIR

**T**EMA kesihatan mental merupakan sesuatu yang sangat berat. Sehingga hari ini ramai yang mengaitkan masalah kesihatan mental dengan ketidakwarasan atau gila. Stigma ini menyebabkan ramai pesakit mental yang menderita dalam diam.

Sempena Hari Kesihatan Mental yang disambut pada 10 Oktober setiap tahun, *Wilayahku* kongsikan empat filem yang mengupas isu kesihatan mental dengan tepat. **WK**

## # 1 To The Bone

Pengarah: Marti Noxon  
Pelakon: Lily Collins, Keanu Reeves

**TO The Bone** mengisahkan seorang perempuan yang mengalami anoreksia iaitu gangguan mental di mana seseorang akan berhenti makan akibat takut kegemukan hingga satu tahap di mana mereka akan cuba memuntahkan semula setiap makanan yang mereka makan.

Kedua Ellen semakin hari semakin membimbangkan apabila badannya semakin kurus dan kehilangan selera makan membuatkan setiap makanannya tidak habis. Hampir setiap hari Ellen akan mengukur lilitan tangannya sendiri. Ibu tirinya yang risau akan keadaannya telah mendaftarkan Ellen untuk program perundingan anoreksia khas yang diketuai Dr Beckham.



## # 2 Sky Castle

Pengarah: Jo Hyun-Tak  
Pelakon: Kim Se Hyeong, Oh Nara, Kim Hye Yoon

**BUAT** penggemar KDrama pastikan anda menonton drama kelas atas ini. *Sky Castle* menggambarkan mengenai pendidikan di Korea dan bagaimana ibu bapa yang obses terhadap pelajaran anaknya sehingga menyebabkan anak-anak mula mengalami tekanan mental seterusnya menjadikan mereka penipu demi

menjadi yang terbaik di dalam kelas. Golongan elit ini tinggal di satu kawasan yang dinamakan *Sky Castle* dan disebabkan ego yang besar, mereka sering berselisih faham. Kehidupan mereka semakin dipenuhi perkara di luar jangkaan setelah berlakunya sebuah peristiwa di kawasan tersebut. Apakah peristiwa tersebut? Apa yang akan berlaku kepada penghuni *Sky Castle*? Pastikan anda menontonnya untuk mengetahui kesudahan cerita ini.

## # 3 Silver Linings Playbook

Pengarah: David O. Russell  
Pelakon: Jennifer Lawrence, Bradley Cooper

**SETELAH** menghabiskan masa di hospital kesihatan mental, Pat terpaksa berpindah dan tinggal bersama orang tuanya untuk sementara waktu. Gejala hidup dengan gangguan bipolar telah menyebabkan dia kehilangan isteri dan pekerjaannya.

Dia bertekad untuk

mendapatkan isterinya kembali dan bertemu dengan Tiffany yang juga seorang janda. Tanpa disedari pertemuan tersebut membantu mereka untuk sembuh dalam cara yang unik.

*Silver Linings Playbook* mewakili pelbagai emosi yang sering terjadi pada seseorang yang hidup dengan gangguan bipolar dengan cara yang realistik dan memukau.

Kesejahteraan emosi seseorang dengan gangguan bipolar juga sering ditunjukkan di dalam filem ini yang membolehkan penonton memahami dengan lebih mendalam tentang jenis gangguan mental ini.



## # 4 Word on Bathroom Walls

Pengarah: Thor Freudenthal  
Pelakon: Charlie Plummer, Taylor Russell

**FILEM** *Words on Bathroom Walls* menceritakan tentang Adam yang menderita skizofrenia. Adam tinggal bersama ibunya, Beth Petrazelli.

Untuk kekal seperti biasa, Adam terpaksa mengambil banyak ubat-ubatan dan disokong sepenuhnya oleh Beth dan Paul. Selain mengambil ubat, dia juga perlu kerap berunding dengan pakar psikiatri.

Tidak seperti orang yang mengalami

masalah mental, watak Adam kelihatan seperti manusia biasa yang tidak mempunyai halusinasi. Satu-satunya perkara yang dia tidak boleh mengawal adalah halusinasi luar biasa yang kadang-kadang muncul dan membawa maut kepada dirinya sendiri dan orang lain.

# Ikan goreng menu harian Menteri Wilayah

HAZIRAH HALIM

**P**ASTI ramai yang ingin mengetahui apakah menu kegemaran dan jenis masakan yang sering dinikmati Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim. Adakah masakan Melayu lebih disukainya atau masakan barat yang menjadi pilihan?

Baru-baru ini, isterinya, **Datin Seri Shamsiah Md Yassin** berkongsi dengan *Wilayahku* bahawa suaminya merupakan peminat masakan Melayu iaitu gulai selain menu ringkas berdasarkan ikan.

"Menu wajib yang perlu ada dan tidak pernah tertinggal walaupun sehari adalah ikan goreng, sayur atau ulam, sambal tumis dan kuah."

"Kalau ada gulai ikan lebih bagus kerana itu adalah makanan kegemarannya. Tidak kisah apa-apa jenis ikan sama ada ikan temenung, ikan selayang atau ikan



DATIN Seri Shamsiah Md Yassin bersama suami tercinta.

kembung, kalau kuah itu bercampur ikan, beliau memang suka."

"Datuk Seri tidak makan sambal belacan. Kalau ada sambal, sama ada sambal tumis udang, telur atau apa-apa selain sambal

belacan, beliau akan makan," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Menurut Shamsiah, oleh kerana seluruh keluarganya suka makan ikan, sumber protein laut itu perlu dibeli dalam kuantiti yang banyak.



"Biasanya, kalau saya ke pasar raya, saya tidak akan membeli sekilo ikan tetapi empat kilo sekali gus kerana seluruh ahli keluarga saya memang peminat tegas ikan dan Datuk Seri Shahidan boleh habiskan seorang sahaja," kongsinya lagi.

Datin Seri Shamsiah turut memberitahu suaminya juga seorang yang mahir memasak dan tidak cerewet dalam memilih makanan.

"Dahulu semasa saya masih bekerja, semua bahan-bahan masakan beliau yang sediakan. Bila saya balik kerja, saya hanya tumiskan dan masak sahaja."

"Tapi Datuk Seri ini pantang dipuji. Saya pernah puji dia pandai masak sampai bawang tu dia po-

tong sebiji-sebiji.

"Saya tanya dia 'kenapa awak potong sebiji-sebiji?' dia menjawab 'Allah lupa, puji terus lupa,' katanya sambil ketawa."

Mengulas mengenai isu protokol dan keperibadian beliau berdua, Datin Seri Shamsiah berkata, keluarganya juga manusia biasa dan membezakan dirinya dengan rakyat hanyalah pangkat mahupun kedudukan.

"Bagi saya, ya, protokol itu perlu ada tetapi usahlah berlebihan. Kami juga manusia biasa."

"Kami juga makan bersila di tepi jalan, berhenti di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) bentang tikar untuk makan," jelasnya dengan rendah hati.

## Istimewa resipi Perlis sentuhan Datin Seri Shamsiah



SABRINA SABRE

KATA orang 'nak pikat hati suami kena lah pikat perutnya dulu'. Tidak kurang juga buat isteri kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Seri Shamsiah Md Yassin yang sentiasa menjamu suaminya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dengan air tangannya.

Edisi kali ini bawakan resipi istimewa sentuhan beliau yang dilihamkan dari Perlis buat semua pembaca akhbar *Wilayahku*. **WK**

### Gulai Belangkas

#### BAHAN-BAHAN

Bawang merah  
Bawang putih  
Halia  
Daun kari  
Bunga lawang  
Kayu manis  
Rempah kari ayam  
Kerisik  
20 ekor belangkas

#### CARA PENYEDIAAN

- Hiris dan kisar bawang merah, bawang putih dan

- halia
- Panaskan minyak dan tumis bahan-bahan yang telah dikisar.
- Masukkan rempah yang dah bancuh dengan kerisik.
- Tumis sehingga pecah minyak lebih kurang setengah jam.
- Kemudian, masukkan santan dan belangkas.
- Tambah garam dan gula sedikit jika perlu.



### Laksa Perlis

#### BAHAN-BAHAN

Bawang merah dikisar  
Ikan kembung dikisar  
Daun kesum  
Bunga kantan  
Cili kering dikisar  
Asam keping  
Garam  
Serbuk perasa  
Secubit belacan  
Laksa

#### CARA PENYEDIAAN

- Rebus ikan kembung.



- Kisar bawang merah, cili kering dan ikan yang telah direbus.
- Masukkan sedikit air dalam kuali.
- Masukkan bahan-bahan yang telah dikisar.
- Apabila sudah mendidih, masukkan serbuk perasa.
- Biarkan beberapa minit sehingga kuah menjadi pekat. **WK**



# Hargai suri rumah realisasi konsep Keluarga Malaysia



**SENATOR NURIDAH MOHD SALLEH**  
Ahli Dewan Negara

**L**APAN pakej rangsangan untuk mendepani pandemik ditampilkan kerajaan sebelum ini dengan peruntukan keseluruhan RM530 bilion. Menerusi Belanjawan 2021 pula, pelbagai inisiatif dan peruntukan diumumkan, termasuk RM226 juta khusus berkaitan wanita.

Realitinya, nasib wanita tidak pernah dipandang rendah. Ini termasuklah kelompok suri rumah sebagai pekerja tanpa upah yang terus diiktiraf secara konsisten.

Sebagai contoh program i-Suri, di mana simpanan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) disumbangkan suami (faktor aktif) kepada isteri (tidak aktif). Ia atas dasar kewajipan kerana menjaga kebijakan isteri yang menyumbang secara tidak langsung kepada kehidupan suami dan rumah tangga.

Simpanan KWSP juga disumbangkan melalui pendapatan negara (kerajaan) atas dasar hak

bagi menghargai pengorbanan suri rumah yang secara tidak langsung menyumbang kepada faktor pengeluaran negara.

Program i-Suri bertujuan memastikan kesejahteraan golongan suri rumah serta mengiktiraf sumbangan mereka kepada ahli keluarga dan pembangunan negara. Faedah program ini, suri rumah menerima sumbangan RM480 setahun daripada kerajaan, tanpa had minimum caruman, bantuan khairat kematian RM2,500 dan menerima dividen tahunan KWSP.

Namun, sudah sampai masanya i-Suri dijenamakan semula mengambil kira situasi semasa akibat pandemik COVID-19.

Pertama dari segi sumbangan, yang mana suami sebelum ini tidak diwajibkan mencarum kepada isteri yang juga suri rumah sepenuh masa. Kedua, menaikkan nilai sumbangan kerajaan daripada RM480 setahun ketika ini kepada RM1,500 setahun.

Program i-Suri perlu menjadi keutamaan kerajaan bagi mengurangkan beban institusi keluarga supaya dapat menampung

**“Suntikan nafas baharu dalam program i-Suri dengan pemberian pelbagai insentif dapat diwujudkan bagi menarik minat suami mencarum secara sukarela, seterusnya memastikan ia memberi manfaat lebih besar kepada suri rumah dan menjana pertumbuhan ekonomi negara.”**

keperluan isi rumah, khususnya yang mengalami penurunan pendapatan atau kehilangan pekerjaan.

Suntikan nafas baharu dalam program i-Suri dengan pemberian pelbagai insentif dapat diwujudkan bagi menarik minat suami mencarum secara sukarela, seterusnya memastikan ia memberi manfaat lebih besar kepada suri rumah dan menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Langkah proaktif perlu diambil kerajaan supaya dapat meningkatkan sokongan kepada institusi keluarga menerusi

penjenamaan semula i-Suri.

Selain program i-Suri, kerajaan boleh juga membantu menambah pendapatan institusi keluarga melalui agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan lain-lain lagi.

Seumur agensi ini perlu digerakkan bagi membantu ekonomi rumah tangga, melalui kaedah memberi peluang kepada suri rumah berkemahiran.

Sebagai contoh, mereka yang menjahit diberi peluang oleh syarikat tempatan untuk menerima kontrak kerja jahitan di rumah sebagai kerja sambilan. Kemahiran semula jadi suri rumah tangga yang mahir memasak dan membuat kuih-muih pula, perlu diberi sokongan serta bantuan bersesuaian oleh agensi terbabit.

Suri rumah juga boleh diberi kerja sambilan bagi industri hiliran berkoncepcion tanggungjawab sosial oleh syarikat besar untuk membantu menjana pendapatan.

Contohnya, menyediakan makanan tambahan untuk dijual pengusaha makanan atau juga dikenali rakan strategik perniagaan.

Peluang sebegini dapat membantu meningkatkan ekonomi keluarga dan membuka peluang untuk suri rumah menjana pertumbuhan ekonomi.

Agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga dapat membantu wanita menyediakan alatan bersesuaian melalui skim pinjaman bagi menyediakan peralatan lebih berdaya saing dan ekonomik bersesuaian teknologi semasa. Ia memudahkan suri rumah menjalankan kerja sampingan untuk membantu menambah pendapatan isi rumah.

Apa pun, menjadi harapan besar peruntukan Belanjawan 2022 bagi golongan wanita dipertingkatkan supaya ekonomi rumah tangga dapat dipulihkan seiring pemulihan ekonomi.

Hanya dengan memperkasa peranan suri rumah dan menghargai sumbangan serta pengorbanan mereka, maka konsep Keluarga Malaysia dibawa kerajaan dapat direalisasikan.

## Kita gerak bersama menuju Malaysia yang lebih baik



**SARFARIZMAL SAAD**

Setiausaha Agung Pertubuhan Aktivis Belia Tanah Air (ABATA)

**SUDAH menghampiri dua bulan atau melepas fasa kedua ‘perlumbaan 100 hari’ untuk pencapaian barisan ahli-ahli kabinet Kerajaan Malaysia yang baharu ini. Bagi mereka yang menggunakan kewarasan akal fikiran dan ketajaman minda, sudah tentu dapat melihat bagaimana menteri-menteri bertungkus lumus cuba menyelesaikan apa jua permasalahan rakyat di bawah.**

Ini sememangnya menguntungkan rakyat yang kini sedang mula bergerak ke suatu fasa baharu dalam kehidupan bersama virus maut COVID-19 di negara kita. Semua orang tahu dan faham, betapa kehidupan di dalam pandemik, amat menyulitkan. Bukan sahaja ramai yang terpaksa turun dari T20 kepada M40, malah ada juga segelintir itu terpaksa menerima hakikat bahawa mereka kini menjadi miskin tegar.

Lebih buruk lagi, ada juga dalam kalangan kita yang sanggup mengambil jalan pintas dengan membunuh diri atas alasan desakan hidup yang kian meruncing. Kesian... Inilah situasi yang dihadapi oleh rakyat kita terutama di tahun 2020 dan awal tahun 2021.

Oleh sebab itu, Perdana Menteri Datuk Sri Ismail Sabri Yaacob meletakkan suatu kerangka

atas yang tinggi terhadap barisan kabinet beliau kali ini, supaya setiap seorang yang dilantik berjaya memberi manfaat kepada rakyat yang terkesan.

31 orang menteri yang menjadi tonggak utama Kerajaan Keluarga Malaysia ini sememangnya dipilih khusus untuk bekerja bersama rakyat siang dan malam. Sebesar mana harapan rakyat terhadap perubahan fasa hidup kita pasca pandemik COVID-19, maka sebesar itulah juga impian Perdana Menteri dalam memastikan menteri-menterinya ini berfungsi dengan sehabis baik.

Tidak cukup dengan itu, Kabinet Kerajaan Malaysia turut melantik 38 orang timbalan menteri yang berperanan dalam membantu Perdana Menteri dan Jemaah Menteri untuk menyelesaikan permasalahan rakyat di bawah.

Ini merupakan cerminan betapa Ismail Sabri serius dalam mengerakkan kerajaan semasa menjadi lebih baik berbanding kerajaan-kerajaan terdahulu dalam soal membawa Malaysia ke arah endemik yang lebih baik.

Yang penting bagi kita semua sekarang adalah bagaimana kita boleh terlibat sama dalam perjuangan jihad menyelamatkan negara dan seisisnya ini dari terus dicengkam oleh virus maut yang lemah.

Kita wajar menjadi rakyat yang cakna dan bertanggungjawab, bukan sahaja terhadap diri sendiri, malah bertanggungjawab juga

kepada tanah air tereinta ini secara *collective responsibility*.

Takkanlah kita sekadar berpeluk tubuh berdiam diri dan hanya menjadi penonton kepada pihak lain yang bertungkus lumus berusaha ke arah endemik? Jika begitu, adakah kita tergolong dari ahli Keluarga Malaysia?

Adakah kita hanya mahu memberi kerjasama terhadap perkara-perkara yang memberi manfaat kepada diri sendiri sahaja? Dimana sifat ikatan keluarga kita jika sekadar mementingkan diri?

Justeru, tidak kira siapa kita sama ada punya jawatan ataupun tidak, kita sewajarnya menjadi ejen kepada diri sendiri, keluarga, komuniti setempat dan negara secara keseluruhannya dalam perjuangan jihad melawan pandemik ini sehingga tamat.

Antara cara mudah yang boleh kita sumbangkan adalah dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Selain itu, kita juga boleh mengawal diri untuk tidak kongsikan perkara-perkara tidak sah apatah lagi yang bersifat palsu di media sosial sebagai salah satu sumbangan kecil kita terhadap keluarga besar Malaysia ini.

Penting sangatkah semangat dan ikatan Keluarga Malaysia ini dalam keadaan negara yang baru bergerak untuk pulih dari segi ekonomi, kesihatan dan pendidikan ini?

Peribahasa Cina ada menyatakan tentang perkara ini tanpa sedar. Bagi masyarakat Cina, ikatan kekeluargaan yang erat itu digambarkan dalam peribahasa mereka seperti *dàng máfan lái lín, jirén huì giyú nzhchí* yang membawa maksud ‘ketika berada dalam kesukaran, keluarga anda akan datang menolong’.

Tiada siapa yang boleh kita harapkan lagi jika kita sedang berada dalam situasi sukar atau mencemaskan. Hanya mereka yang benar-benar berhati luhur dan sayangkan kita sahaja akan tampil. Dan semua sifat ini ada pada ahli-ahli keluarga kita sendiri.

Inilah pentingnya ikatan kekeluargaan yang telah mendorong ilham Ismail Sabri untuk memperkenalkan Keluarga Malaysia pada hujung Ogos yang lalu.

Tambahan pula, konsep Keluarga Malaysia ini suatu yang mudah dihadam oleh orang ramai tanpa memerlukan penelitian yang kompleks.

Perdana Menteri sendiri pernah menyebut bahawa pendekatan Keluarga Malaysia ini harus bersifat inklusif merentasi faham politik, kaum dan agama. Ia harus mendakap erat prinsip kebersamaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan keamanan negara kekal terjamin.

“Konsep dan pendekatan Keluarga Malaysia bukanlah sesuatu yang sukar untuk dihadam, kerana ia sebenarnya berlandaskan nilai-nilai sedia

ada yang kita miliki dalam setiap keluarga. Apa yang dilakukan kerajaan adalah mengharmoni dan mengangkat nilai-nilai ini sebagai panduan mengukuhkan lagi kekuatan Malaysia, dengan keunikan pelbagai agama, bangsa dan kaum.”

Keluarga Malaysia ini bak sepohon pokok, akar Keluarga Malaysia bertunjangkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Manakala batang dan ranting menjulang kukuh nilai-nilai Keluarga Malaysia, yang kemudiannya membawa hasil seperti daun, bunga dan buah yang subur dan inayahnya, memanfaatkan rakyat.

Justeru, ayuhlah kita saling bantu membantu sesama sendiri untuk memastikan pokok Keluarga Malaysia ini mekar subur sehingga berjaya memberi manfaat kepada semua.

Jangan kita melihat barisan menteri dan timbalan menteri itu sebagai entiti yang berasingan dengan kehidupan rakyat, sebaliknya berilah apa-apa keperluan kepada mereka untuk memudahkan kerja mereka membantu rakyat. Sebagai contoh, menyalurkan maklumat lengkap terhadap kesulitan rakyat, menyebarkan info-info tepat dari pihak kerajaan dan tidak menularkan perkara-perkara jelek mahupun fitnah di media sosial.

Marilah sama-sama kita gerak bersama untuk menuju Malaysia yang lebih baik menjelang tahun 2022 nanti.

NORHIDAYU ZAINAL

**P**ENGGUNAAN aplikasi TikTok sebagai satu ruang perkongsian pelbagai ilmu bukan sahaja memanfaatkan golongan pelajar tetapi juga masyarakat umum yang berbilang kaum tanpa mengira usia dan latar belakang.

Tambahan pula, setiap kandungan video menampilkan kaedah pembelajaran ringkas yang kreatif, padat dengan fakta penting untuk dipelajari dan dihayati sehingga menarik perhatian pengguna TikTok sekali gus berjaya memasuki FYP (For Your Page) iaitu halaman yang mengandungi video dan kandungan viral di platform berkenaan.



Guru bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Kebangsaan Long Ghafar 2, Kota Bharu, Kelantan, Ahmad Shahruh Azhan Ibrahim, 45, berpendapat kandungan video singkat dengan durasi maksimum tiga minit sangat membantu dalam menyampaikan maklumat agar lebih mudah difahami.

"Tujuan saya untuk berkongsi ilmu secara santai. Atas sebab itu, saya biasanya hanya buat video dalam tempoh 30 hingga 60 saat agar audiens tidak mudah rasa jemu dan bosan sekali gus mudah diterima," katanya kepada Bernama.

Beliau yang dikenali sebagai

# Tiktok jadi platform masyarakat timba ilmu



Sir Asai dalam kalangan pengguna TikTok memanfaatkan platform itu dengan mengajar bahasa Inggeris melalui perkongsian pelbagai tips dari segi tatabahasa, sebutan dan cara membina ayat dengan melibatkan penyertaan daripada pelajarnya.

"Kadang-kadang ada orang tidak suka belajar dengan cara formal, lagi-lagi bahasa Inggeris. Jadi apabila menggunakan pendekatan ini, secara tidak sedar kita semua belajar melalui penyampaian daripada video itu," katanya yang mengumpul lebih 447,000 pengikut di TikTok.

Justeru, pemegang Sarjana Pendidikan dalam bidang Pengajaran Bahasa Inggeris

Sebagai Bahasa Kedua (TESL) dari Universiti Exeter, United Kingdom itu berharap perkongsian tersebut dapat memberi ilmu kepada mereka yang menonton sekali gus membantu masyarakat menjadi lebih yakin untuk bertutur dalam bahasa kedua itu.

Turut senada,

**Pembaca boleh imbas QR code untuk tonton video Tiktok @sirsyahmi92**



Muhammad Syahmi Azizi, 29, yang sering memuat naik kandungan video berkaitan bahan dan fakta sejarah di akaun TikToknya @sirsyahmi92 menerusi penggunaan gambar dan bahasa yang mudah difahami.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Geologi dari Universiti Malaya itu mahu pengguna di platform berkenaan khususnya golongan muda agar lebih celik sejarah sekali gus membantu meningkatkan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat.

"Acap kali saya dengar orang kata belajar sejarah itu bosan, sedangkan ia ilmu yang amat penting untuk difahami dan dihayati. Lagipun, saya menggunakan konsep lebih santai



agar mereka senang faham.

"Tujuan saya hanya satu, muh warganet 'jatuh cinta' dengan sejarah dan bila itu berlaku mereka sendiri akan mencari maklumat mengenai sesuatu perkara. Contohnya, sejarah negara kita sendiri yang kaya dengan pelbagai cerita menarik," katanya yang berhasrat turun padang melakukan eksperimen sosial mengenai perkara tersebut sebagai kelainan dalam kandungan videonya.

Bahkan, Muhammad Syahmi yang mempunyai lebih 538,000 pengikut di TikTok, percaya dengan mempelajari sejarah dapat membantu melancarkan usaha perpaduan kaum sekali gus menyemai semangat cintakan tanah air.

**Ammar Hamizan Muhammad Balyan**, 24, pula mengambil inisiatif untuk mengajar teknik melukis di akaun TikToknya, @amamijan selepas menerima banyak permintaan dalam kalangan pengikutnya di Instagram.

Pelajar tahun ketiga Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan


**Pembaca boleh imbas QR code untuk tonton video Tiktok @Amamijan**



Malaysia (UKM) itu menganggap perkongsian itu bertujuan untuk menarik perhatian warganet yang ingin berjinak-jinak melukis.

"Pada saya, sesiapa pun boleh melukis, tak ada bakat pun tak apa, asalkan ada minat yang mendalam dan bersedia untuk belajar benda baharu. Jadi, bila kita fokus dan melukis dengan bersungguh-sungguh pasti lukisan itu akan menjadi," katanya yang menjadikan melukis sebagai hobi sedari kecil.

Malah, melalui gayanya yang bersahaja selain diselitkan dengan aksi humor, tidak hairanlah anak kelahiran Klang, Selangor itu berjaya mengumpul lebih 900,000 pengikut di TikTok. - BERNAMA



Selepas lebih enam bulan belajar di rumah

# Pelajar gembira kembali ke sekolah



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**T**ERPANCAR kegembiraan di wajah para pelajar di sini apabila kembali semula ke sekolah bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bermula Isnin lalu.

Rata-rata pelajar yang ditemui Wilayahku, datang ke sekolah seawal jam 6.30 pagi dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti mengimbas suhu badan, menggunakan sanitizer dan menjaga penjarakan fizikal.

Bagi seorang pelajar SMK Mutiara, **Aizul Hussin**, 17, berkata tiada kata yang mampu diungkapkan kecuali perasaan gembira apabila kembali semula bersekolah secara bersemuka.

"Antara sebabnya, sepanjang tempoh Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR) banyak halangan saya hadapi antaranya ketiadaan jaringan internet.

"Setelah lengkap dua dos


vaksin, saya yakin bahawa keselamatan dan kesihatan saya terjamin.

"Selain itu dengan SOP yang dilaksanakan dengan begitu ketat di sekolah sudah tentunya memberikan jaminan kepada kami," katanya ketika ditemui Wilayahku, ketika tinjauan media di beberapa buah sekolah di sini, yang dikelolai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen).

Bagi **Ajmal Rosyada Zainal**, 16, menganggap pembukaan sekolah secara bersemuka itu satu berita gembira yang dinantikan oleh semua pelajar dan ini bukan satu alasan untuk mengabaikan SOP yang telah digarisiskan oleh KPM.

"Walaupun kita telah terima lengkap divaksinasi, kita rasa selamat namun kita juga boleh dijangkiti," ujarnya.

Katanya lagi, dengan mematuhi SOP dapat mengelakkan diri daripada berlakunya jangkitan COVID-19 dan pada masa sama Pengajaran dan Pembelajaran secara bersemuka dapat diteruskan.



PARA pelajar diberikan taklimat oleh tenaga pengajar SMK Mutiara sebelum memulakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Sementara itu, secara majoriti ibu bapa yang ditemui amat berpuas hati terhadap SOP dan persediaan yang dilakukan oleh pihak KPM menerusi Jabatan Pendidikan Labuan yang komited melaksanakan SOP yang digarisiskan oleh KPM bagi memastikan sesi persekolahan secara bersemuka berjalan lancar.

Bapa kepada seorang murid di SMK Mutiara, **Zainal Abdul Wahab**, 45, pejawat awam berkata, sebagai ibu bapa semestinya mahukan keselamatan dan kesihatan anak-anak sentiasa terjamin.

"Dengan pelaksanaan SOP yang ketat oleh pihak sekolah, dengan menyediakan hand sanitizer dan

pelbagai kemudahan lain maka dengan itu saya yakin bahawa sesi persekolahan secara bersemuka ini adalah selamat," katanya.

**Salabiah Bidin**, 48, menzahirkan perasaan berpuas hati terhadap SOP yang digarisiskan oleh KPM yang bertepatan dengan situasi pembukaan PdP semula bagi menjamin keselamatan pelajar semasa berada di sekolah.

"SOP yang dilakukan oleh pihak sekolah amat memuaskan dan saya tidak merasa takut untuk menghantar anak saya ke sekolah kerana saya yakin dengan pelaksanaan yang disediakan oleh KPM amat teratur dan keselamatan anak saya terjamin," katanya.

Terdahulu, Menteri Kanan Pendidikan, Dr Radzi Jidin mengumumkan sesi persekolahan secara semula bermula 3 Oktober lalu membabitkan pelajar tingkatan 5 dengan kapasiti kehadiran 50 peratus.

Pada Isnin (18 Oktober) merupakan fasa kedua sesi persekolahan bersemuka bagi murid sekolah rendah dan pelajar menengah yang melibatkan pelajar Tingkatan 1, 2 dan 3. **WK**

## Rumah usang warga emas dibaik pulih

**SEORANG** warga emas di Kampung Sungai Keling di sini, menarik nafas lega apabila rumah kediannya yang dimamah usia telah dibaik pulih oleh Syarikat Petra Energy Berhad.

**Teo Kim Chuan**, 78, merupakan seorang klien Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan menetap di rumah itu bersendirian selepas berpisah dengan isterinya beberapa tahun lalu.

Teo menyifatkan bantuan baik pulih rumahnya itu sebagai rezeki yang tidak pernah jangka.

Katanya, atas keprihatinan pihak Petra Energy Berhad itu telah mengubah kehidupan sehariannya menjadi lebih selesa dan selamat.

"Terima kasih kepada pihak Petra Energy Berhad kerana sudi membantu membaiki rumah saya dan ia memberikan satu sinar baru kepada saya," katanya kepada Wilayahku, pada Jumaat lalu.

Sementara itu, Pengurus Fabrikasi Petra Energy Berhad, Spancer Anak Saliman berkata, pihaknya telah membelanjakan sejumlah RM25,000 bagi kerja-kerja baik pulih keseluruhan rumah itu dan mengambil masa selama 14 hari.

"Ini adalah satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Petra Cares bagi membantu membaiki rumah Teo Kim Chuan.

"Sebanyak 65 peratus kerja-kerja baik pulih telah dilakukan dan kita turut membekalkan peralatan kelengkapan lain seperti kipas dapur dan sebagainya," katanya.

Majlis penyerahan rumah tersebut disampaikan oleh Pengurus Fabrikasi Petra Energy Berhad Spancer Anak Saliman kepada Teo Kim Chuan disaksikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Labuan Ansharey Matarsad. **WK**



TEO Kim Chuan (empat dari kiri) menerima replika kunci rumah sebagai simbolik penyerahan daripada Pengurus Fabrika Petra Energy Berhad, Spancer (empat dari kanan).



BAKUL makanan sumbangan pihak kerajaan untuk diagihkan kepada golongan terjejas akibat pandemik COVID-19.

## 52,786 bakul makanan diagihkan kepada golongan sasar di Labuan

**SEJUMLAH** 52,786 bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 sejak Mac tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, jumlah kesemua bakul makanan itu adalah sumbangan daripada 90 agensi termasuklah pihak kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO).

Menurut beliau, berdasarkan rekod, sehingga semalam (16 Oktober) pihaknya telah menerima sebanyak 52,786 bakul makanan.

"Sebanyak 98 peratus dari jumlah bakul makanan telah diagihkan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada golongan terkesan akibat pandemik COVID-19," katanya kepada

pemberita, pada Jumaat lalu.

Rithuan berkata, sejak Labuan beralih Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Empat, permohonan bakul makanan menunjukkan penurunan berbanding sebelum ini.

Permohonan terhadap bakul makanan ketika ini katanya, telah menurun kepada 50 peratus sehari berbanding sebelum ini yang mencecah 500 permohonan dalam sehari.

"Penurunan itu amat ketara, ini kerana 95 peratus sektor ekonomi telah dibenarkan dibuka secara tidak langsung penduduk di pulau ini tidak lagi menghadapi kesulitan yang begitu teruk.

"Ini adalah satu petanda yang baik, ia menunjukkan bahawa ekonomi penduduk di Labuan semakin pulih," katanya. **WK**



RITHUAN



**SOALAN**  
**A** SSALAMUALAIKUM.  
Saya ingin bertanya,  
apakah manfaat yang  
didapati oleh Rasulullah SAW  
dengan kita berselawat kepada  
Baginda SAW, sedangkan  
Baginda SAW sudah mendapat  
tempat yang mulia dan  
tertinggi di sisi Allah SWT  
serta Baginda SAW juga  
seorang yang maksum?

Mohon pencerahan. Terima kasih.

#### JAWAPAN

Alhamdulillah, segala puji  
bagi Allah SWT Tuhan semesta  
alam, selawat serta salam ke  
atas junjungan teragung Nabi  
Muhammad SAW dan ke atas  
ahli keluarga serta mereka  
yang mengikuti jejak langkah  
Baginda SAW hingga ke hari  
Kiamat.

Sesungguhnya amalan  
berselawat ke atas Rasulullah  
SAW merupakan satu amalan  
yang agung dan besar  
ganjarannya di sisi Allah SWT.

Dalam menggambarkan  
keagungan dan kebesaran  
amalan tersebut, Allah SWT  
memulakan perintah untuk  
berselawat dengan dzat-Nya  
dan para malaikat terlebih  
dahulu, sebelum kita sebagai  
orang-orang beriman dituntut  
untuk mengucapkan selawat  
dan salam kepada Rasulullah  
SAW. Firman Allah SWT:

**Maksudnya:** "Sesungguhnya  
Allah dan malaikatNya  
berselawat (memberi segala  
penghormatan dan kebaikan)  
kepada Nabi (Muhammad  
SAW); wahai orang-orang  
yang beriman berselawatlah  
kamu kepadanya serta  
ucapkanlah salam sejahtera  
dengan penghormatan yang

# Apakah manfaat selawat dan salam bagi Rasulullah SAW?

**“ Hendaklah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW walaupun tanpa mengetahui manfaat yang didapati Baginda SAW daripada selawat dan salam kita tersebut kerana sudah tentu mendapat ganjaran di sisi Allah SWT.**


sepenuhnya.”

#### Surah al-Ahzab (56)

Para ulama' telah  
membahaskan berapa kalikalah  
sebenarnya kita diwajibkan  
untuk mengucapkan selawat  
dan salam ke atas Rasulullah  
SAW. Imam al-Khatib al-  
Syarbini menyebutkan di dalam  
kitabnya al-Iqna' fi Hall Alfaz  
Abi Syuja' bahawa:

**Maksudnya:** “Para ulama'  
berbeza pandangan berkaitan  
kewajipan mengucapkan selawat  
dan salam ke atas Rasulullah  
SAW kepada beberapa  
pandangan.

**Pertama,** pada setiap kali solat didirikan dan Imam al-Syafie memilihnya dengan menyatakan ia di dalam tasyahhud akhir. **Kedua,** sekali seumur hidup. **Ketiga,** setiap kali apabila nama Baginda SAW disebut disisinya dan pandangan ini dipilih oleh al-Halimi daripada ulama' al-Syafieyyah, Imam al-Tahawi daripada ulama' Hanafiah, al-Lakhmi daripada ulama' al-Malikiyyah, Ibn Battoh daripada ulama' al-Hanabilah. **Keempat,** di dalam



setiap majlis. **Kelima,** pada setiap permulaan, pertengahan dan akhir doa.”

#### (Rujuk al-Iqna' fi Hall Alfaz Abi Syuja': 9)

Dalam satu hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**Maksudnya:** “Amat rugilah seseorang itu apabila disebutkan namaku tetapi dia tidak berselawat ke atasku.”

#### Riwayat Ahmad (7451) dan al-Tirmizi (3545)

Di dalam hadith yang lain pula, Rasulullah SAW bersabda:

**Maksudnya:** “Orang yang bakhil adalah orang yang apabila disebutkan namaku, maka dia tidak berselawat ke atasku.”

#### Riwayat al-Thabrani, al-

maka memintanya dikira sebagai tahsil al-hasil (meminta sesuatu yang sudah berhasil).

Jawapannya, bahawa maksud selawat dan salam kita ke atas Rasulullah SAW adalah meminta rahmat yang masih tiada kerana pada setiap waktu itu pasti ada rahmat yang masih belum didapati oleh Baginda SAW.

Maka Rasulullah SAW akan sentiasa meningkat kesempurnaannya yang tiada berpenghujung, justeru Baginda SAW mendapat manfaat daripada ucapan selawat dan salam kita mengikut pandangan yang sahih.

Walau bagaimanapun tidak patut seseorang yang berselawat ke atas Rasulullah SAW untuk berniat sedemikian, bahkan hendaklah dia berniat untuk bertawassul (menjadikannya sebagai wasilah untuk memohon) kepada Allah SWT untuk mencapai maksud tersebut.”

#### (Rujuk Kasyifah al-Saja Syarh Safinah al-Naja: 9)

Kesimpulannya, ucapan selawat dan salam kita ke atas Rasulullah SAW memberi manfaat kepada Baginda SAW kerana kita memohon sesuatu rahmat yang belum terhasil.

Ini kerana pada setiap waktu itu pasti ada rahmat yang masih belum didapati oleh Baginda SAW.

Oleh yang demikian, Rasulullah SAW akan sentiasa meningkat kesempurnaannya yang tiada berpenghujung.

WaAllahu a'lam.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku  
MEDIA WARGA KOTA

#### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	<b>RM7,500</b>
HALF PAGE		26cm X 17cm	<b>RM5,500</b>
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	<b>RM4,500</b>
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	<b>RM4,500</b>

#### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px <b>RM2,500</b>
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px <b>RM2,000</b>
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px <b>RM1,500</b>
	HALF PAGE 350px X 500px <b>RM1,000</b>

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

## BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)**

Pengurus Pengiklanan

**011-1069 2962 (ZUHAIRI)**

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:

Aras 9, Blok 1,  
Menara Seri Wilayah,  
62100 Putrajaya.

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

# MBSB Bank salur barang asas, bantu komuniti memerlukan

**SHAHIDI BAKAR**

**SERAMAI** 30 keluarga di dalam kelompok B40 di PPR Gombak Setia, menerima bantuan barang asas hasil sumbangan prihatin oleh MBSB Bank bagi meringankan beban golongan memerlukan.

Agihan kotak bantuan barang asas itu diserah oleh Pertubuhan Kebajikan Maju Sejahtera atau PKMS dan turut disertai wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuala Lumpur dan MBSB Bank.

Menurut Presiden PKMS, **Mohamad Asri Abdul Wahid**, kesemua penerima adalah pemohon yang layak dibantu dan memerlukan kerana berdepan masalah kewangan selain kekangan hidup sejak penularan COVID-19.

Katanya setiap penerima sumbangan itu layak mendapat beras, gula, garam, minyak masak dan lain-lain barang termasuk biskut dan roti.

"Anggaran nilai setiap kotak barang asas yang disumbang MBSB Bank ini ialah kira-kira RM100 dan telah memanfaatkan 30 buah keluarga B40 di PPR Gombak Setia ini."

"Kesemua penerima telah memohon bantuan ini melalui wakil MPPWP atau Penyelaras Parliment dan permohonan secara *online* bagi mendapat bantuan asas untuk keperluan isi rumah," ujarnya.

Untuk sesi agihan kali ini, PKMS dan JKMWPKL turut mendapat kerjasama wakil Daie YADIM di PPR Gombak Setia, Beyhaqi Ramli dan AJK Surau Sakinah.

Menurut Beyhaqi kelompok

penerima daripada golongan B40 dan M40 terkesan akibat COVID-19 dan hilang pekerjaan mahupun peniaga hilang punca pendapatan.

"Inisiatif kerjasama dirintis oleh pelbagai pihak ini amat signifikan dalam membantu sesama warga dan seterusnya memupuk budaya prihatin dan toleransi sesama rakyat," katanya.

Sementara itu, Mohamad Asri turut menyatakan komitmen PKMS untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak sama ada individu, yayasan mahupun syarikat korporat ingin menyumbang kepada golongan rakyat.

"PKMS akan sedaya upaya bantu mereka yang memerlukan, tidak hanya tertumpu pada Wangsa Maju malah kami telah bergerak bersama NGO untuk sampaikan sumbangan di serata lokasi, tambahnya. **WK**



SETIAP kotak barang asas bernilai RM100 tajaan MBSB Bank disumbangkan kepada 30 penduduk PPR Gombak Setia.



NIZAM (dua dari kiri) menyerahkan replika cek sumbangan perubatan bernilai RM 3,648 kepada penerima bantuan perubatan di Kampung Patau-Patau Dua, pada Isnin lalu.

## Perumahan untuk golongan asnaf di Labuan bakal diwujudkan - MAIWP

**MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)** sedang merangka serta merancang bagi mewujudkan satu skim perumahan golongan asnaf di Labuan membabitkan jumlah peruntukan RM34 juta.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Ustaz Mohd Nizam Yahya** berkata, perancangan tersebut telah dibawa dan dibincangkan namun keputusan perancangan itu ditangguhkan untuk diperhalusi oleh unit Buhuth, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP).

Katanya, MAIWP turut akan mengadakan perbincangan dengan Perbadanan Labuan bagi mendapatkan tapak tanah bagi mewujudkan satu perumahan asnaf yang berkonsepkan '*Islamic city*'.

"Kita telah bekerjasama dengan Perbadanan Labuan untuk membeli dahulu unit rumah yang telah siap dibina dan pada masa yang sama, perbincangan mengenai tapak tanah bagi mewujudkan projek perumahan asnaf.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa program penyampaian sumbangan

bantuan perubatan kepada dua keluarga asnaf di Kampung Patau-Patau Dua dan Kampung Layang-Layangan, di sini pada Isnin lalu.

Nizam berkata, bagi permulaan pihaknya bakal membeli sebanyak 100 hingga 150 unit rumah milik Perbadanan Labuan yang membabitkan perbelanjaan keseluruhannya sejumlah RM34 juta.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan kutipan zakat di tiga Wilayah Persekutuan mencatat sebanyak RM800 juta tahun lepas, meningkat 11 peratus berbanding tahun sebelumnya, meskipun berdepan pandemik COVID-19.

Jelasnya, berdasarkan statistik, pada tahun-tahun sebelumnya, peningkatan kutipan zakat adalah pada kadar empat hingga enam peratus, namun tahun lepas peningkatan kutipan begitu ketara.

"MAIWP akan menggunakan 80 peratus daripada jumlah RM1.1 bilion peruntukan sedia ada untuk pelbagai skim bantuan kepada golongan asnaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan pada 2022," katanya lagi. **WK**

## Program Santai Badminton Anak Muda Seputeh, riuhkan Hari Sukan Negara

**BERLANGSUNG** di Sports Arena Sentosa, Kuala Lumpur, satu kejohanan Badminton Anak Muda Seputeh bukan sahaja meriah malah menarik minat kalangan anak muda setempat beriadah secara sihat dan terkawal.

Inisiatif Kelab Anak Muda Seputeh (Kamuse) itu adalah sebahagian usaha diambil memeriahkan sambutan hari sukan di samping mengumpulkan anak muda di bawah program santai dan positif.

Pengerusi Kamuse, **Nur Hafies Wahid** berkata, penganjuran program berbentuk sukan pertama kali diadakan, mendapat sambutan baik apabila seramai 50 orang anak muda di dalam Kawasan Seputeh dapat dikumpul bawah satu bumbung.

Katanya, pelaksanaan program berjalan lancar dengan pematuhan SOP ketat hasil usaha sama aktif Pengarah Jabatan Belia & Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JBSWPKL) Asmori Sa'hari dan Pejabat Belia & Sukan Kawasan Seputeh yang diwakili oleh

Anazem Ibrahim.

"Setinggi penghargaan diucapkan kepada para penyumbang persendirian yang telah membantu kelancaran program diadakan. Tidak dilupakan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Cawangan Lembah Pantai yang menyumbang sebanyak 50 pak makanan dan minuman.

"Kami tidak ramai tetapi kami komited di dalam membantu anak-anak muda kawasan Seputeh ini untuk bersama berekreasi dan berganding bahu menceriakan lagi sambutan Hari Sukan Negara tahun ini. Syukur, kerja yang berat akan menjadi ringan jika sepakat, setia dan amanah," ujarnya.

Menurut Nurhafies, Kamuse sentiasa positif dan komited melaksanakan program berteraskan komuniti selagi ada pihak yang menyumbang bagi menjayakan program untuk golongan sasar rakyat yang sememangnya menantikan aktiviti yang bermanfaat dalam masyarakat. **WK**



PROGRAM Kejohanan Badminton Anak Muda Seputeh berlangsung meriah sempena Hari Sukan Negara, baru-baru ini.

# PPj rai pemenang tiga pertandingan virtual



AINI MAWAWI

**P**ERTANDINGAN yang dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj) secara *virtual* sebelum ini dilihat dapat mengurangkan tekanan emosi kepada orang ramai berikutan aktiviti rekreasi yang terbatas pada tempoh Pelan Pemulihran Negara (PPN) Fasa 1 yang lalu.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj), **Norzita Abdul Razak**, tiga pertandingan yang dianjurkan sempena Hari Malaysia 2021 itu berjaya menarik 108 orang peserta menerusi penyertaan aktif sukan secara *virtual*.

"Kita menggalakkan penyertaan secara menyeluruh dalam kegiatan

sukan serta aktiviti gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti Putrajaya sekali gus memberi peluang dan kesempatan kepada para peserta menunjukkan bakat, keupayaan dan potensi.

"Dalam masa yang sama, penanjurannya juga meningkatkan serta memperkuuh interaksi sosial, persefahaman, kerjasama dan perpaduan dalam kalangan komuniti dengan pihak PPj," ujar beliau sejurus meraikan pemenang pertandingan bercerita, *Skate At Home Challenge* dan *Jump Rope Challenge* Putrajaya 2021 baru-baru ini.

Terdahulu, PPj meraikan seramai 31 pemenang bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj), Presint 3.

Penilaian pertandingan *Jump Rope Challenge* Putrajaya 2021 dipilih berdasarkan jumlah lompatan dalam masa seminit para peserta.

"Ia diadakan secara tertutup kepada komuniti Putrajaya bermula 1 hingga 16 September lalu yang mana juara pertandingan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM300 berserta peralatan sukan.

"Peserta Pertandingan *Skate At Home* pula berjaya menarik seramai 20 pemain papan selaju dengan pemilihan pemenang berdasarkan kemahiran mereka bermain papan selaju yang direkod dalam masa seminit.

"Juara pertandingan pula membawa pulang wang tunai RM300 dan barang peralatan sukan serta sijil penyertaan," kata beliau.

Sementara itu, juara pertandingan bercerita secara *virtual* yang terbuka kepada semua pelajar sekolah di Putrajaya dan kawasan sekitarnya yang berumur 10 hingga 12 tahun membawa pulang wang tunai sebanyak RM300. **WK**



NAIB Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya, Nik Shukri Nik Soh (tengah) menyampaikan hadiah kepada pemenang.

## Dari hotspot denggi ke kebun komuniti

**PROJEK** Perumahan Penjawat Awam (PPAM) Pudina sering dikaitkan dengan beberapa isu 'panas' selepas bangunannya siap dibina dan boleh diduduki pada tahun 2017.

Malah, kawasan penempatan di Presint 17, Putrajaya itu pernah dilaporkan sebagai lokasi *hotspot* denggi pada 2019, apabila mencatatkan satu kes kematian akibat virus berkenaan.

Kini, lokasi berkenaan seolah-olah berubah '360 darjah' selepas kawasan hutan yang berada berhampirannya diubah suai menjadi kebun komuniti.

Ketua Kebun Komuniti Pudina, **Sazali Shamsuddin** berkata, dia bersama komuniti terlibat mengambil inisiatif membersihkan kawasan sekitar perumahan termasuk hutan-hutan kecil berhampiran.

"Kes denggi tinggi sebelum penduduk diami rumah di sini dan di kawasan hutan pula terdapat rumah kongsi iaitu tempat tinggal pekerja kontrak yang membina rumah Pudina.

"Oleh itu, penduduk memulakan langkah awal dengan membersihkan kawasan dan permulaan dilakukan di Blok G. Pada masa sama, kami nak eratkan silaturahim kerana semua baru pindah masuk ke sini," katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Sabtu.

Menurut Sazali yang juga pesara kerajaan, disebabkan usaha gigih penduduk, dia memohon hak penggunaan tanah daripada Perbadanan Putrajaya (PPj) dan mendaftarkan tanah seluas 0.5 ekar, supaya kebun 'haram' itu boleh dijadikan milik rasmi.

Ekoran daripada itu, ujarnya,

Jabatan Pertanian Putrajaya yang turut serta dalam program kebun komuniti hadir melawat seterusnya mengadakan program fertigasi dan hidroponik untuk penduduk.

Tambahnya, kebanyakan penduduk yang terlibat adalah mereka yang sudah bersara, masih bekerja dan suri rumah.

Menceritakan tentang konsep tanaman yang ingin dikomersialkan, ujarnya, tanaman akan dilakukan mengikut fasa seperti mana jadual daripada Jabatan Landskap PPj.

"Tanaman akan ikut fasa, komuniti terlibat akan buat ikut program yang diatur Jabatan Landskap PPj," ujarnya sambil menambah hasil akan dipasarkan kepada penduduk sekitar menurusi kedai runcit yang terdapat di lobi PPAM Pudina. **WK**



SAZALI membersihkan dan mengindahkan kebun komuniti.



NAIB PRESIDEN (LANDSKAP DAN TAMAN) Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya (PPj), Abd Aziz Buang (dua kanan) melihat kawasan sekitar Kebun Komuniti Pudina yang diusahakan penduduk setempat.



**HOTLINE : 03 8887 7000**

PERKHIDMATAN	WAKTU OPERASI KAUNTER
TERIMAAN BAYARAN	ISINN-KHAMIS 9.00 PAGI – 4.00 PTG
OSC (PUSAT SETEMPAT)	JUMAAT 9.00 PAGI – 12.00 TGH 3.00 PTG – 4.00 PTG
TENDER & SEBUTHARGA	SABTU, AHAD & CUTI UMUM: TUTUP
PERUMAHAN PENJAWAT AWAM	Online <a href="https://ppj.spbs.gov.my/">https://ppj.spbs.gov.my/</a>
SEWAAN DEWAN KOMPLEKS PPJ	Online <a href="https://lesen.ppj.gov.my">https://lesen.ppj.gov.my</a>
ADUAN & PERTANYAAN	
LESEN PERNIAGAAN	
LESEN PENGIKLANAN	

SILA PATUHI SOP SEMASA BERURUSAN DI KAUNTER PEJABAT  
HANYA INDIVIDU LENGKAP VAKSIN DIBENARKAN BERURUSAN DI KAUNTER PEJABAT

Jadikan Farah Ann sebagai idola supaya lebih komited

# Tashalina impi ke Olimpik

AINI MAWAWI

**M**EMASANG impian untuk beraksi di pentas Olimpik suatu hari nanti, gimnas muda, Nur Tashalina Nazrina Mohd Shahrudin, 16, menjadikan ratu gimnas negara, Farah Ann Abdul Hadi sebagai idolanya.

Baginya, untuk sampai ke tahap itu, dia perlu bekerja keras selain memberi komitmen yang sangat tinggi sama seperti yang dilakukan idolanya itu.

"Biarpun Farah Ann tidak mara ke final tetapi penyertaan skuad gimnastik artistik negara ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 memberi inspirasi besar kepada gimnas muda untuk ke temasya sukan terbesar dunia itu."

"Mungkin saya akan mengambil masa bertahun-tahun berusaha untuk melayakkan diri ke Olimpik namun amat berbaloi



memandangkan ini adalah jalan yang saya pilih dan banggakan," ujar pelajar Sekolah Sukan Bukit Jalil ini.

Dia yang mula aktif dalam gimnastik sejak berumur tujuh tahun mengakui disiplin yang ketat perlu untuk memastikan dirinya berjaya.

"Sesi latihan adalah sebanyak enam hari seminggu. Tiada kompromi. Berlatih di gimnasium dan melakukan senaman fizikal adalah wajib dan saya tidak kisah berkorban masa dan tenaga ke arah itu."

"Selain itu, ketahanan mental juga memainkan peranan yang penting. Saya perlu bersedia memberi 100 peratus fokus sebelum beraksi untuk mengelakkan sebarang kecederaan," ujar anak ketiga daripada empat orang adik-beradik ini.

Bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia

## Kejayaan Nur Tashalina

2019 - Terbuka Singapura - Gangsa

2019 - Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), Kedah - 2 Emas, 2 Perak, 1 Gangsa

2019 - Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSSWPKL) - 5 Emas

2018 - SUKMA Perak - Perak

Instagram : @tashareena\_

"Perlu pandai curi masa untuk belajar kerana saya ingin kedua-duanya berjalan seiringan. Kalau boleh, satu hari nanti saya mahu orang mengenali saya sebagai atlet yang bijak," ujarnya kepada Wilayahku. WK

TASHALINA ketika beraksi pada Kejohanan Terbuka Singapura, 2019.



(SPM) tahun hadapan, pelajar jurusan Pendidikan Seni Visual ini pandai membahagikan masa di antara pelajaran dan sukan.

"Biasanya latihan akan bermula sebelah petang. Jadi, saya akan menggunakan waktu di sebelah malam untuk mengulang kaji pelajaran dan mengikuti kelas tambahan dalam talian.



KEDUA-DUA pasukan bergambar sejurus tamat perlawanan persahabatan.

## PriVo, BKIP erat silaturahim

**PERSAHABATAN.** Bagi mengeratkan silaturahim yang terjalin, Sukarelawan Rumah Prihatin (PriVo) dan Badan Kebajikan Kakitangan Ibu Pejabat UMNO (BKIP) menganjurkan perlawanan persahabatan Bola Sepak.

Julung kali diadakan, perlawanan yang ditaja *Helping Shoulder* diadakan sejurus Wilayah Persekutuan beralih ke

Fasa 4 Pelan Pemulih Negara (PPN) pada 18 Oktober 2021 lalu.

Diadakan di padang International School Kuala Lumpur perlawanan antara dua pasukan tersebut berlangsung dengan penuh bersemangat antara keduanya.

Perlawanan berakhir dengan kemenangan berpihak kepada pasukan (PriVo) 11 berbaloi 3 dari pasukan (BKIP).

# Cabar diri atasi gayat, dorong Suzana ceburi sukan luncur udara

**PADA** awalnya **Suzanaeirne Zamri@Zambri** merupakan seorang gadis yang takutkan ketinggian, namun kini beliau bebas terbang di udara menerusi sukan ekstrem iaitu luncur udara atau *paragliding*.

Suzanaeirne, 23, atau mesra dipanggil Suzana berkata minat mencebur sukan luncur udara timbul apabila beliau begitu cemburu melihat paraglider lain menikmati sukan tersebut, sekali gus ingin membuktikan bahawa dirinya juga mampu meluncur seperti mereka.

Pemegang Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Fesyen) daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perak itu berkata sejak beliau menaiki tandem, iaitu *paragliding* dua orang dengan 'pilot' *paragliding* menerbangkannya di Bukit Maras, Terengganu dua tahun lepas lalu mula jatuh hati terhadap sukan itu.

"Saya sememangnya seorang yang aktif bersukan sebelum kenal dengan sukan lasak ini. Saya baru sahaja hendak menjinakkan diri dalam sukan ini namun kehadiran pandemik COVID-19 menyebabkan latihan saya terbatas," katanya kepada *Bernama* baru-baru ini.

Mengimbau tujuannya menjalani latihan berkaitan sukan berisiko tinggi tersebut, Suzana berkata beliau mahu menambah baik kecekapannya supaya dapat melakukan aksi itu di pelbagai negara, kerana sukan lasak tersebut dikenali di seluruh dunia.

"Saya berpeluang menjalani latihan dalam sukan *paragliding* selama sembilan hari di Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada akhir 2019 di bawah kendalian Prosky Academy Malaysia, Negeri Sembilan iaitu sebuah akademi *paragliding* di negara ini," katanya.

Suzana berkata pada awalnya

beliau memilih untuk menjalani latihan di Malaysia, tetapi semasa menyatakan hasrat untuk terlibat dalam sukan tersebut, akademi berkenaan mengadakan kem latihan di UAE sekali gus memberikan dirinya peluang untuk mempelajari sukan itu di negara berkenaan.

Beliau berkata pengalaman sembilan hari itu memberi manfaat kepada dirinya, kerana dapat mempelajari sukan tersebut di tempat dan cuaca berbeza.

"Semasa di UAE, saya bermula dengan 'zero basic' di kawasan padang pasir. Apabila tamat latihan dan pulang ke tanah air, perbezaannya di sini (Malaysia) terdapat banyak pokok dan bukit yang merupakan cabaran dalam meluncur," katanya.

Menurut Suzana, beliau gayat apabila berada di tempat tinggi dan mencabar dirinya untuk menangani ketakutan itu, hingga

mendorongnya berkecimpung dalam sukan berkenaan.

"Pada waktu itu saya tidak terfikir untuk terbang secara solo, kerana saya ada masalah takut terhadap ketinggian. Saya pergi ke empat tapak *paragliding* di dalam negara dan dari situ timbul kelainan untuk cuba menyertai *paragliding*, serta mahu jadi seorang daripada mereka (*paraglider* lain)," katanya.

Suzana yang merupakan seorang pengurus acara berkata komitmennya dalam sukan *paragliding* pada masa ini hanyalah sekadar separuh masa, kerana beliau mahu menumpukan kerjayanya sekali gus memastikan minatnya dalam sukan itu dan kerjanya seimbang.

"Tiada yang mustahil bagi seorang wanita untuk berjaya dalam sukan *paragliding* ini yang merupakan satu daripada sukan ekstrem di dunia," katanya.

- BERNAMA





## Undi 18: Kerajaan beri kuasa besar kepada anak muda

**K**ERAJAAN ingin memberikan kuasa yang besar kepada anak muda di negara ini, justeru itu kerajaan memberi taruhan kepada Undi 18, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, pelaksanaan Undi 18 itu membuktikan keyakinan kerajaan kepada anak muda dalam menyertai proses pembangunan negara.

Ismail Sabri yang mengadakan perjumpaan dengan perwakilan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) hari ini berkata beliau telah berkongsi pan-

dangan serta pelan tindakan untuk penambahbaikan.

"Alhamdulillah, banyak input menarik yang telah saya terima hari ini terutama yang diutarakan oleh Presiden MPPK Amir Asyraf sendiri.

"Insya-Allah, kerajaan sentiasa terbuka untuk mendengar pandangan daripada anak muda," katanya menerusi perkongsian di laman Facebook hari ini.

Turut hadir pada perjumpaan itu Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Ismail Sabri berkata MPPK, yang kini dianggotai 41 pemimpin pela-

jar mewakili 41 universiti di seluruh negara, bukanlah sekadar simbol kepada kesatuan pelajar institusi pengajian tinggi malah memainkan peranan penting dalam membuka ruang dan mewujudkan komunikasi dua hala antara pelajar dan kerajaan.

Beliau yang pernah menjadi Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya sesi 1982/1983 percaya akan ada antara anak muda yang ditemui hari ini menjadi pemimpin besar negara suatu hari nanti.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Datuk Seri Dr



ISMAIL Sabri bersama barisan anak muda MPPK Selasa lalu.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar memaklumkan kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Undi 18 dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada 31 Dis tahun ini seperti yang diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Kuching.

- BERNAMA



KETENANGAN pantai buatan di sisiran Tasik Putrajaya menjadi pilihan pengunjung sejak dibuka kepada orang ramai 18 Oktober lalu.

## Pantai buatan di Putrajaya jadi tumpuan

**KEBENARAN peralihan fasa Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) kawasan Lembah Klang iaitu Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor dari Fasa 3 kepada Fasa 4 pada 18 Oktober lalu menyaksikan lokasi menarik di Putrajaya menjadi tumpuan ramai.**

Bersempena cuti umum sambutan Maulidur Rasul, Selasa lalu, destinasi pantai buatan di Sisiran Tasik Putrajaya berhampiran Kompleks Sukan Air Wilayah itu meriah dengan kehadiran pengunjung.

Rata-rata mereka menghabiskan

masa bersama kaum keluarga tersayang berkelah di pesisiran pantai buatan tersebut. Tidak kurang juga ramai yang mengambil kesempatan menikmati keindahan pantai.

Tinjauan mendapati pengunjung yang datang teruja dengan kewujudan lokasi tersebut memandangkan Putrajaya jauh daripada kawasan pantai untuk dikunjungi orang ramai di waktu senggang.

Menurut pengunjung yang dikenali sebagai CF Man, lokasi tersebut menarik dan bakal menjadikan

di lokasi wajib dikunjungi pada masa akan datang.

"Menarik tempat ini, kalau buat ombak tiruan sikit lagi tambah menarik," ujarnya.

Kenyataan CF Man turut dipersetujui Melly Zainudin yang teruja untuk membawa anaknya datang lagi ke lokasi tersebut.

Dalam pada itu, tidak kurang juga ramai yang meminta pengunjung untuk menjaga kebersihan kawasan tersebut daripada dikotori sampah sarap. WK

## Kecewa, kritikan buat Meerqeen lebih kuat

DEEL ANJER

HIDUP ini tidak selalunya indah. Gembira, kecewa, jatuh dan bangkit semula sudah menjadi resam dalam kehidupan.

Itulah prinsip yang diamalkan pelakon remaja Meerqeen atau nama sebenarnya Muhammad Shameer Shauqueen Saiful Izam, 20.

Sentiasa menganggap kritikan sebagai penguat semangat, Meerqeen berani mencabar dirinya menjadi penyanyi pula apabila muncul dengan lagu *Menunggu* ciptaan komposer muda, Aliff Iskandar, 21.

"Kalau ada orang nak kecam, saya tidak kisah kerana kritikan akan membuatkan saya mahu terus memperbaiki diri dan melakukan yang terbaik."

"Dalam hidup ini, kita perlu sentiasa berfikiran positif. Tukarkan kritikan itu kepada semangat untuk terus majukan diri," katanya pada majlis pra dengar lagu *Menunggu* secara maya baru-baru ini.

Bagi Meerqeen, seseorang pasti akan

berjaya jika ada usaha dan semangat yang tinggi.

"Saya percaya sesiapa pun mampu melakukan apa sahaja asalkan ada kemahanan dan keyakinan."

"Bidang nyanyian benda baharu dan memang membuatkan saya risau pada peringkat awal. Tapi apabila semua proses sudah dilalui, ia memberikan pengalaman yang tidak ternilai kepada saya."

"Sudah tentu sokongan orang sekeliling membuatkan saya bersemangat merakamkan lagu *Menunggu*," katanya yang popular dengan drama Angkara Cinta dan Senorita.

Apabila ditanya adakah lagu *Menunggu* adalah kisah cintanya, ini jawab Merqeen.

"*Menunggu* bukanlah pengalaman diri saya sendiri. Ia hanya gambaran am mengenai perasaan seorang lelaki. Saya pasti kebanyakan lelaki pernah merasakan peritnya putus cinta itu."

"Saya pernah tiga kali bercinta. Dua daripadanya hanyalah cinta monyet,

manakala hubungan ketiga mampu bertahan untuk tempoh dua tahun ketika berusia 18 tahun."

"Saya jenis lelaki setia dan saya suka merancang soal masa depan serta hala tuju hubungan apabila bercinta."

"Bagaimanapun, apabila si dia memutuskan hubungan secara tiba-tiba selepas melanjutkan pelajaran, saya sangat kecewa. Dua tahun saya ambil masa untuk sembah," katanya yang bangkit dari kekecewaan dan terus berazam untuk berjaya dalam bidang yang diceburi.

Penghasilan lagu *Menunggu* merupakan kerjasama antara Indigital Music dan Civicas Network Sdn Bhd. Lagu ini sudah boleh distrim melalui semua platform digital dan lirik video pula boleh ditonton melalui YouTube Indigital Music. WK

